

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK SHAHILI BIN ABDAN  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI SEORANG  
ARTIS**

**NUR ATHIFAH SYAIRAH BINTI MARZUKI  
(2019415684)**

**NUR HIDAYAH BINTI ABDUL RAHMAN  
(2019230504)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022**

**ISI  
KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

	M/S
Abstrak	i
Penghargaan	iii
Senarai Abreviasi	iv
Senarai Singkatan	v
Rujukan Kata	vi
1.0 Biodata Penemubual	1
1.1 Penemubual Pertama	2
1.2 Penemubual Kedua	3
2.0 Biodata Tokoh	4
2.1 Biodata Tokoh	5
2.2 Pengenalan kepada tokoh	6
3.0 Sejarah Lisan	7
3.1 Pengenalan	8
3.2 Objektif Sejarah Lisan	9
3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9
4.0 Kajian Literatur	12
4.1 Topik 1	12
4.2 Topik 2	16
5.0 Transkrip Tembual Bersama Tokoh	20
6.0 Log Temubual	129
7.0 Ralat	138
8.0 Glosari	139
9.0 Indeks	141
10.0 Bibliografi	144
11.0 Lampiran	155
11.1 Biografi Tokoh	156
11.2 Surat Perjanjian	157
11.3 Senarai Soalan	158
11.4 Diari Penyelidikan	171
11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	176

## **ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh dalam bidang lakonan yang berasal dari Perlis iaitu Shahili Bin Abdan atau lebih dikenali dengan nama Namron. Bidang teater yang awalnya telah membawa beliau memasuki industri seni dan melahirkan minatnya kepada lakonan. Nama gelarannya iaitu Namron yang memiliki keunikan dan keistimewaan tersendiri telah mengubah paradigmanya daripada seorang yang asalnya begitu pemalu kepada seorang yang sangat berkeyakinan tinggi. Sumbangan beliau dalam bidang lakonan juga tidak dapat disangkal lagi dengan penubuhan Rumah Anak Teater (RAT) yang telah berjaya membentuk pelakon-pelakon baru yang berbakat dan berkemahiran dalam teknik-teknik lakonan. Setelah menelusuri perjalanan pelakon ini yang tidak asing dalam bidang lakonan. Beliau juga telah menubuhkan Syarikat Alternative Stage dan menghasilkan karya-karya dalam industri filem yang cukup berkualiti sehingga membawa nama Malaysia ke persada filem antarabangsa. Walaupun artis veteran ini sememangnya dikenali di setiap lapisan masyarakat, namun biografi beliau jarang diketahui oleh masyarakat umum. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menambah koleksi bahan rujukan berkenaan Namron dan mendapatkan sumber primer artis veteran ini. Tentang pentingnya menjaga atau mengekalkan biografi artis veteran bagi kegunaan sejarah pada masa akan datang agar dapat diketahui masyarakat umum.*

Kata kunci: Filem, Pelakon, Pengarah, Sejarah Lisan, Teater

## **ABSTRACT**

*This transcript discusses the experience of a figure in acting who hails from Perlis, Shahili Bin Abdan or better known as Namron. The theatrical field that had originally led him into the art industry and expressed his interest in acting. His nickname Namron which has its own uniqueness and uniqueness has changed its paradigm from a shy person to a very confident person. His contributions in acting were also undeniable with the establishment of Rumah Anak Teater (RAT) which has successfully formed talented and skilled new actors in acting techniques. Having traced the course of this actor who is no stranger to acting. He has also established Alternative Stage and produced works in the film industry of good quality to bring Malaysia's name to the international film scene. Although this veteran artist is well known in every walk of life, his biography is rarely known to the public. Therefore, this study aims to supplement the collection of reference materials regarding Namron and obtain primary resources of this veteran artist. The importance of maintaining or maintaining a biography of a veteran artist for historical use in the future to be known to the public.*

**Keywords:** Film, Acting, Actor, Director, Oral History, Theater

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka kami berdua dapat menyiapkan tugas transkrip temubual bersama artis veteran Encik Shahili bin Abdan untuk subjek IMR 604 dengan jayanya. InsyaAllah, tugas kerja kursus ini akan memberikan banyak manfaat kepada kami dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan di masa hadapan.

Kami berdua ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar serta cara-cara membuat tugas ini mengikut kriteria yang ditetapkan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa kami yang turut membantu untuk memberi sokongan kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa sokongan mereka mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan.

Tidak lupa juga buat rakan-rakan sekelas yang turut berkongsi serta membantu kami dalam memberikan pendapat atau pandangan serta berkongsi idea dalam menyiapkan tugas ini.

Sekian, Terima Kasih.

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ASK	Akademi Seni Kebangsaan
ASWARA	Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan
FFM	Festival Filem Melayu
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
IKM	Institusi Kemahiran MARA
JKKN	Jabatan Kesenian Kebudayaan Negeri Perlis
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RAT	Rumah Anak Teater
TV	Televisyen
UTM	Universiti Teknologi Mara

## **SENARAI SINGKATAN**

BI : Bahasa Inggeris

KL : Kuala Lumpur

NASM : Nur Athifah Syairah Binti Marzuki

NHAR : Nur Hidayah Binti Abd Rahman

PJ : Petaling Jaya

SAB: Shahili Bin Abdan

UK : United Kingdom

US: United States



## RUJUKAN KATA

Ade	Ada
An	Kan
Ah	Lah
Ape	Apa
Ape-ape	Apa-apa
Ambik	Ambil
Balik	Semula
Bapak	Bapa
Bawak	Bawa
Berape	Berapa
Besok	Esok
Biase	Biasa
Bile	Bila
Brape	Berapa
Brasal	Berasal
Bukak	Buka
Cam	Macam
Cerite	Cerita
Cume	Cuma
Dah	Sudah
Dekat	Di
Diorang	Mereka semua
Dorang	Mereka semua
Dok	Sedang
Duk	Duduk
Dulu	Dahulu
Ea	Ya
Eh	Ya
Gundi	Guni
Jait	Jahit
Je	Sahaja

Jela	Sahaja la
Jugak	Juga
Jumpe	Jumpa
Juge	Juga
Haa	Ya
Haah	Ya
Haritu	Hari itu
Kan	Akan
Kalau	Jika
Kat	Dekat
Kau	Engkau
Kasi	Bagi
Kate	Kata
Kecik	Kecil
Kecik-kecik	Kecil-kecil
Kelang	Kilang
Kesah	Kisah
Kitaorang	Kami
Kire	Kira
Kite	Kita
Kluarga	Keluarga
Kolumpor	Kuala Lumpur
Korang	Kamu semua
Kot	Mungkin
Lah	Ialah
Lepas tu	Selepas tu
Mane	Mana
Mak	Emak
Mase	Masa
Mintak	Minta
Meniaga	Berniaga
Nak	Mahu

Nak	Hendak
Ni	Ini
Nilah	Ini lah
Nengok	Tengok
Ngomel	Merungut
Ngajar	Mengajar
Ntah	Tak pasti
Pasal	Tentang
Pasai	Tentang
Pegi	Pergi
Pompuan	Perempuan
Pulak	Pula
Rupenye	Rupanya
Saja	Sahaja
Saje	Sahaja
Sape	Siapa
Sape-sape	Siapa-siapa
Satu hari	Suatu hari
Skalinya	Sekalinya
Skarang	Sekarang
Skolah	Sekolah
Sialu	Selalu
Sorang	Seorang
Sronok	Seronok
Stakat	Setakat
Suke	Suka
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Takleh	Tidak boleh
Tapi	Tetapi
Tau	Tahu
Tengok	Tonton

Tiido	Tidur
Time	Masa
Time tu	Masa itu
Tu	Itu
Tuh	Itu
Tulah	Itulah
Tv	Televisyen
Ye	Ya
Yela	Baiklah

**BIODATA**  
**PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



Rajah 1: Gambar Penemubual Pertama

NAMA	Nur Athifah Syairah Binti Marzuki
TARIKH LAHIR	2/3/2000
TEMPAT LAHIR	Hospital Alor Setar, Kedah
ALAMAT	No 2632-1b Jalan Sri Putri 8/2, Taman Putri 81000, Kulaijaya, Johor.
NO TELEFON	018-9604561
EMEL	nuratifahsyairah@gmail.com
PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Maklumat.

## 1.2 Penemubual Kedua



Rajah 2: Gambar Penemubual Kedua

NAMA	Nur Hidayah Binti Abd Rahman
TARIKH LAHIR	27/4/1999
TEMPAT LAHIR	Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru
ALAMAT	1767, Jalan Jambu 24, Taman Muhibbah, Saleng, 81400, Senai Johor.
NO TELEFON	011-27782949
EMEL	dayahdibo99@gmail.com
PROGRAM	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Maklumat

# **BIODATA TOKOH**



## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 Biodata Tokoh



Rajah 3: Gambar Tokoh

<b>NAMA</b>	Shahili Bin Abdan
<b>NAMA SAMARAN</b>	Namron
<b>TARIKH LAHIR</b>	21/11/1969
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Kangar, Perlis
<b>ALAMAT</b>	13, Jalan Saga Sd 8/2, Bandar Sri Damansara, 52209, Kuala Lumpur.
<b>NO TELEFON</b>	016-2947498
<b>EMEL</b>	shahili69@gmail.com
<b>PROFESION</b>	Penulis, Pelakon, Pengarah
<b>BIDANG</b>	Lakonan

## 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Shahili Abdan atau lebih dikenali sebagai Namron merupakan seorang pengarah, penulis skrip dan pelakon Malaysia yang bergiat aktif untuk teater, filem dan televisyen. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Kangar, Perlis. Beliau berkahwin dengan Junaidah Lojong dan dikurniakan tiga anak. Beliau ialah seorang yang menitik beratkan kedaulatan bahasa kebangsaan dan pernah bertutur bahasa kebangsaan ketika menghadiri forum teater di Jepun pada 2004 hingga 2008. Ketika menghadiri forum membicarakan filem arahnya *One, Two, Jaga* di New York Asian Film Festival (NYAFF), beliau bertutur sepenuhnya dalam bahasa Melayu.

Beliau mula melibatkan diri di dalam pentas teater pada 1989 dengan menyertai kumpulan teater AKSI di Kangar, Perlis. Semasa bersama kumpulan teater AKSI beliau terlibat dengan beberapa pementasan kecil sebagai pelakon. Hubungan beliau dengan group teater AKSI hanya selama dua tahun. Seterusnya, beliau menubuhkan kumpulan teaternya sendiri pada tahun 1991 dengan menamakannya SEBATU. Ketika beliau bersama kumpulan teater SEBATU, dua buah teater telah dipentaskan di Kangar, Perlis iaitu *Jiwa* (1992) dan *Sel Terakhir* (1994). Semasa pementasan teater *Jiwa*, beliau menjadi pengarah dan penulis skrip serta turut sama berlakon sementara di dalam pementasan *Sel Terakhir*, beliau hanya mengarah dan menulis skripnya.

Pada tahun 1994, beliau sekali lagi terpaksa meninggalkan SEBATU kumpulan yang beliau asaskan sendiri kerana melanjutkan pengajian di dalam teater di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang sekarang ini lebih dikenali sebagai ASWARA. Beliau sudahpun berusia 25 tahun ketika menjejak kaki ke ASK. Bagi memastikan kesinambungan kerja-kerja teater dilaksanakan oleh generasi selepasnya, beliau bersama beberapa karyawan muda teater seperti Ayam Fared, Zahiril Adzim, Khairunazwan Rodzy, Khairil Ridzuan dll telah menubuhkan Rumah Anak Teater (RAT) dan Nam Ron bertindak sebagai pengarah artistik.

# **SEJARAH LISAN**

## 3.0 SEJARAH LISAN

### 3.1 Pengenalan

Sejarah lisan ialah salah satu cara yang dipraktikkan oleh penyelidikan sejarah supaya sesuatu fakta sejarah itu dapat disahkan kebenarannya. Menurut (Amin, 1974), sejarah lisan merupakan satu kaedah inkuiri bagi memperolehi maklumat kepada sejarah bertulis. Sejarah lisan juga didefinisikan sebagai kaedah melalui sesi wawancara yang direkodkan untuk mengumpulkan memori kenang-kenangan daripada individu (Jawatankuasa Kebangsaan Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia, 1991).

Sejarah lisan juga begitu penting untuk kita mengetahui kejadian terdahulu yang telah seseorang lalui. Data-data masa silam dapat disimpan melalui sejarah lisan meskipun peristiwa tersebut telah lama berlaku. Selain itu, penciptaan, rekaan baharu, dan teknologi moden yang sesuai dengan perkembangan kewangan, politik, perniagaan, kehidupan manusia dan sastera telah mewujudkan sejarah lisan.

Setiap individu yang melaksanakan sejarah lisan akan dapat menimba pengalaman baharu, pelbagai aspek sejarah dapat dipelajari mereka serta memahami pelbagai ragam dan personaliti manusia. Penulisan sejarah dapat dimajukan dengan adanya penggunaan sejarah lisan. Rekod dan penulisan sejarah amat penting untuk mengelakkan peristiwa bersejarah hilang dan lenyap begitu sahaja (Seow, 2020).

Pada abad ini, peranan yang besar dimainkan oleh sejarah lisan bagi menambahkan dan memelihara sumber-sumber di Malaysia. Sejarah lisan amat penting bagi menambah dan menyokong kekurangan dalam sumber-sumber bertulis. Ia juga berguna untuk mengisi ruang seandainya ada keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang. Para sejarawan dan penyelidik juga mudah untuk membuat penyelidikan jika ada sumber- sumber lisan yang mencukupi (Nadzan, 1979). Sesuatu peristiwa yang berlaku akan semakin dilupakan jika tiada pengetahuan, pemahaman dan keterangan daripada saksi yang terlibat (Hikmah dan Ali, 2018).

Apabila berlakunya penemuan sesuatu fakta, sumber bertulis dan sumber lisan yang ada dapat menjadi bukti untuk mengukuhkan fakta tersebut. Penyelidikan dan penemuan sejarah akan lebih berkredibiliti dengan hadirnya sumber bertulis di samping kepastian daripada sumber lisan yang akhirnya menghasilkan keseragaman fakta. Menurut Rahilah dan Siti (2012), gabungan pelbagai sumber akan memberikan kelainan pemahaman kepada kita. Oleh itu kita tidak boleh bersandarkan kepada satu sumber atau pihak sahaja dalam sejarah lisan.

### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji bagi memenuhi objektif- objektif berikut:

- i. Untuk menambah koleksi bahan rujukan berkenaan artis veteran Malaysia.
- ii. Untuk mendapatkan sumber primer artis veteran untuk dijadikan rujukan.
- iii. Untuk mendokumentasi biografi artis veteran bagi kegunaan sejarah pada masa akan datang.

### **3.3 Kepentingan Sejarah Lisan**

#### ***3.3.1 Organisasi***

Maklumat lisan amat penting terutamanya dalam sejarah Malaysia. Data lisan sangat penting untuk memelihara dan menambah data sejarah sedia ada. Kekurangan data bertulis tentang peristiwa yang dikaji atau apabila data lisan adalah satu-satunya sumber peristiwa yang tersedia dapat membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan pemahaman yang jelas tentang peristiwa sejarah. Memperoleh pengetahuan sejarah melalui penceritaan sangat penting bagi generasi baru, terutama bagi mereka yang belum pernah mengalami perang, penjajahan, dan kemerdekaan. Ia menjadi sumber bagi sejarawan untuk menulis sejarah tempatan, kerana orang biasa tidak meninggalkan bahan bertulis.

#### ***3.3.2 Individu***

Sejarah lisan sangat penting untuk menulis sebarang pensejarahan tamadun manusia. Sekiranya penulisan sejarah tidak menggunakan sejarah lisan untuk menyumbang kepada sumber penulisan sejarah, itu sangat tidak masuk akal. Sekiranya ini berlaku, maka kemunculan sejarah pasti tidak kukuh, dan ini bukan kisah sejarah yang benar. Walaupun sejarah lisan telah menerima pelbagai tuduhan dan kritikan, dikatakan bahawa sejarah lisan tidak lagi relevan, tidak berguna, dan tidak dapat digunakan sebagai sumber sejarah.

Sejarah Melayu seperti salasilah Melayu dan Bugis, Hikayat Siak semuanya menggunakan sejarah lisan. Dengan bantuan sejarah lisan, para sejarawan dapat mempelajari sejarah dengan lebih mendalam dan tegas, malah menemui peninggalan sejarah yang tersembunyi, sama seperti perjumpaan Angkor Wat di Kemboja. Pada asalnya, keberadaan Angkor Wat hanya diturunkan oleh penduduk tempatan dari generasi ke generasi, dan penduduk tempatan tidak tahu di mana Angkor Wat berada.

### **3.3.3 Masyarakat**

Peranan dan kegiatan persatuan-persatuan sejarah negeri di Malaysia akan dapat diperkembangkan lagi sekiranya persatuan-persatuan tersebut menjalankan projek-projek sejarah lisan. Persatuan-persatuan Sejarah yang ditubuhkan bukan sahaja untuk menggalakkan pengajian dan menambahkan minat orang ramai terhadap tempatan tetapi juga mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kesan-kesan sejarah negeri-negeri masing. Di dalam hal ini mereka terlibat dalam pengumpulan, pemeliharaan dan penyediaan bahan-bahan tersebut untuk penyelidik.

Persatuan-persatuan sejarah patut memelihara alat-alat dan gambar-gambar mengenai kehidupan masyarakat di masa yang lalu dan muzium negeri yang telah lama tertubuh itu boleh mempamerkan bahan-bahan tersebut kepada orang ramai. Begitu juga bagi tapak-tapak bersejarah yang patut dipelihara dan dibina semula dan dikekalkan untuk dilawati oleh orang ramai. Persatuan Sejarah akan dapat menggiatkan lagi penyelidikan yang telah dijalankan. Sejarah lisan pula boleh menambahkan rancangan-rancangan persatuan sejarah khasnya di dalam memenuhi jurang-jurang yang terdapat dalam sejarah tempatan. Jadi melalui cara ini maklumat yang tidak selalunya dimasukkan ke dalam rekod-rekod tertulis akan dapat diperolehi.

# **KAJIAN LITERATUR**

## **4.0 TINJAUAN LITERATUR**

### **4.1 Topik 1- Industri Hiburan**

Makna perkataan industri, menurut American Heritage Dictionary adalah 'dari, berkaitan dengan, atau dihasilkan dari industri pembuatan (Strephonsays, n.d). Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, industri pula membawa maksud perusahaan secara besar-besaran untuk menghasilkan sesuatu produk. Manakala, hiburan membawa maksud sesuatu yang dapat menghibur iaitu menyukakan dan menggembirakan hati. Hiburan merupakan persembahan atau kegiatan yang direka bentuk untuk memberi nikmat kepada penonton (Dakwah for Muslim, n.d). Maka dapat difahami bahawa industri hiburan bermaksud industri yang membekalkan hiburan kepada penonton dalam bentuk sesuatu yang menghiburkan seperti teater musikal, komedi, filem dan musik.

Pada awalnya orang-orang Melayu hanya menjadi pelakon sahaja sebagai tenaga kreatif. Pada tahun 1951, orang-orang Melayu menjadi tenaga kreatif yang semakin luas iaitu sebagai pembantu pengarah, pembantu jurukamera, penulis skrip, penulis lakon layar, pelukis latar dan pereka muzik (John, 1990 seperti dipetik dalam Fatimah & Afifah, 2020). Pada tahun 1933, orang-orang Melayu hanya menampilkan diri sebagai pelakon filem. Maka dapat difahami bahawa orang-orang Melayu pada awalnya hanya menjadi pelakon tetapi berubah peranannya kepada tenaga kreatif yang semakin luas.

Masyarakat akan dengan mudah mendapat pengetahuan tentang industri hiburan yang terbaru dengan adanya kemudahan internet, media sosial, (Susmiarti, 2015). Peranan utama dalam globalisasi industri hiburan ialah syarikat hiburan, agensi bakat, para selebriti seperti penyanyi dan pelakon (Anniza, 2018). Menurut Indrayuda (2014), sektor industri hiburan muncul kerana kesan kehadiran globalisasi. Tambahan lagi, produksi hiburan, studio rakaman, pengelola pertunjukan terbentuk daripada kehadiran industri hiburan tidak mengira yang bersifat amatur, semi professional mahupun professional. Masyarakat pada hari ini bebas mendapatkan pelbagai maklumat tentang seni persembahan tersebut walaupun yang bersifat global. Rancangan hiburan dapat mempengaruhi masyarakat terhadap corak dan warna dari pelbagai bahagian dunia (Indrayuda, 2014). Maka dapat difahami bahawa dengan berkembangnya industri hiburan, masyarakat hari ini mudah mendapatkan maklumat tentang industri hiburan yang terbaru.



#### ***4.1.1 Industri Lakonan***

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, lakonan bermaksud sesuatu drama iaitu sandiwara dan berkaitan berlakon. Lakonan bermaksud cerita atau drama yang dipentaskan dengan sandiwara (Educalingo, 2021). Istilah itu ialah "lakon". Di Malaysia dan Indonesia "lakon" membawa maksud cerita yang dipentaskan. Di Thailand pula istilah yang sama membawa maksud tarian (Osman, 2011). Menurut Abdul Rahman (2021), lakonan ialah cara berlakon atau cara melakonkan sesuatu peranan dlm drama iaitu sandiwara. Maka dapat difahami bahawa lakonan ialah sebuah sandiwara seorang pelakon untuk menyampaikan sebuah pementasan drama atau filem.

Menurut Francis Doring (2006), terdapat pelbagai jenis watak dalam lakonan iaitu baik atau jahat. Menurut Gurusamy dan Thambu (2018), terdapat dua watak dalam lakonan iaitu lakonan anti-model dan lakonan intervensi. Menurut Boal (2008), terdapat lakonan berakhir tanpa penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh watak-watak yang berlakon dan ianya dipanggil sebagai lakonan anti-model. Antara sebab ianya dipanggil sebagai lakonan anti-model kerana watak yang dibawa tidak patut dicontohi dan diteladani oleh penonton. Lakonan anti-model juga menggambarkan dengan lebih realistik agar penonton dapat dirangsang untuk bertindak atau campur tangan dalam masalah yang mereka lihat melalui masalah yang dikarang dalam skrip. Menurut Raju dan Thambu (2020), lakonan intervensi pula memaparkan sifat yang baik seperti sopan santun, penyayang dan prihatin. Maka dapat difahami bahawa terdapat dua jenis watak dalam lakonan iaitu watak yang membawa contoh yang baik dan watak yang sebaliknya.

Antara faktor yang dititikberatkan sebagai pelakon adalah teknik lakonan. Teknik lakonan ialah teknik soal jawab, dengar ulang, korus, prosa dan dialog digunakan bersama aktiviti lakonan (Amir, Rohizani, Azrul, Norazimah & Anida, 2021). Menurut buku *The Stanislavsky of Acting* karya Rose Whyman pada tahun 2012, pelbagai kaedah atau teknik dalam skop membina pengisian dalaman dan luaran watak diperkenalkan oleh Stanislavsky. Watak serta perwatakan dapat dijayakan dengan pendekatan yang memaparkan sistem-sistem lakonan menurut buku Stanislavsky. Berdasarkan idea dan formula hasil daripada pengalaman Stanislavski sendiri, beliau menggariskan teknik-teknik lakonan berdasarkan idea dan formula

ketika menjalani latihan teater sebagai pengarah dan pelakon. Proses pembinaan watak diambil kira sebagai salah satu penekanan terhadap proses membina menjadi tujang utama kepada seluruh masyarakat. Maka dapat difahami bahawa aktiviti lakonan, kaedah yang betul, sistem lakonan diperlukan untuk menjayakan lakonan.

Pementasan pentas juga menggunakan teknik *The System* yang masih relevan untuk diguna pakai dalam lakonan sehingga hari ini. Teknik ini juga menjadi kayu ukur dan panduan dalam membentuk persembahan lakonan keseluruhannya untuk menjelaskan proses latihan. Lakonan yang bersifat realistik dan berkeyakinan diutamakan oleh Stanislavski agar mampu memberi gambaran secara jujur untuk khayalak menonton (Ismaliza Ishak, 2015 seperti dipetik dalam Amir, Rohizani, Azrul, Norazimah & Anida, 2021). Maka dapat difahami bahawa teknik *The System* mampu dijadikan panduan untuk menghasilkan pementasan pentas yang baik.

#### **4.1.2 Industri Drama dan Perfileman**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, drama didefinisikan sebagai situasi atau urutan peristiwa penuh emosi, tragik atau bergelora. Menurut Ayuni (2017), Drama berasal daripada perkataan Yunani iaitu draomai yang bermaksud berbuat, bertindak, bereaksi, dan sebagainya. Karya yang dipersembahkan oleh pelakon di pentas, radio, televisyen atau sandiwara juga dipanggil drama (Ayuni, 2017). Maka dapat difahami bahawa drama ialah karya yang dipersembahkan oleh pelakon dengan penuh emosi.

Manakala, filem adalah medium seni yang mempunyai pelbagai genre seperti drama, romantik, komedi, aksi dan seram yang bertujuan memberi pilihan kepada penonton (Shafezah, Siti & Mohd Adnan, 2015). Filem merupakan inovasi garapan manusia menerusi paparan cerita. Ia juga menggambarkan cerminan budaya masyarakat tertentu yang lahir daripada cetusan dan pemikiran pembikinnnya (Hajar, Yusof, Luqman, Norrodzoh, Yusmini & Wan, 2017). Maka dapat difahami bahawa filem memiliki banyak genre, merupakan sebuah jalan cerita yang direka dan filem mampu mempamerkan budaya masyarakat.

Mesej yang datang daripada filem sebagai medium hiburan mampu membuat penonton seolah-olah merasai imaginasi, ketegangan, ketakutan, dan pertembungan emosi. Teater, filem dan industri penyiaran telah wujud muzik sebagai produk dalam masyarakat sejak dari dahulu (Norshafawati, Asiah & Fuziah, 2010). Filem adalah industri hiburan yang membawa harapan kepada penonton yang menyumbang kepada kelahiran karya filem dalam kajian media masa. Maka dapat difahami bahawa filem telah wujud sejak dahulu lagi dan mendatangkan banyak kepentingan kepada individu dan masyarakat.

Filem dianggap oleh masyarakat tidak membawa apa-apa kepentingan kepada pembangunan negara dan masyarakat kerana mereka memiliki pendapat *slapstik*. Mereka juga berpendapat hanya hiburan semata-mata yang dipamerkan oleh filem. Pendapat dangkal ini seharusnya ditolak dan masyarakat perlulah melihat industri perfileman dengan perspektif yang lebih luas (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011 seperti yang dipetik dalam Asiah, 1991). Maka dapat difahami bahawa masyarakat seharusnya membuang pandangan negatif terhadap filem kerana industri ini bukanlah mempamerkan hiburan semata-mata.

Menurut Henry (2007), realiti kehidupan sosial yang begitu luas, baik pada masa lampau, kini mahupun masa hadapan dijemakan melalui filem. Imej budaya, bangsa dan masyarakat sesebuah negara juga boleh dijadikan ukuran daripada filem. Hal ini demikian kerana corak kehidupan sesebuah bangsa di negara-negara lain di dunia ini dapat memberi gambaran kepada dunia luar melalui filem. Filem dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang budaya dan masyarakat sesuatu kaum kepada dunia luar. Slot jalan cerita, persekitaran tempat, pelakon, rentak muzik, perbualan dalam skrip melalui seni persembahan filem, muzik atau teater merupakan kaedah dan saluran yang penting bagi mendedahkan imej negara kepada pihak lain. Filem mendatangkan kesan sosial, ekonomi dan politik kepada negara dan bukan sekadar mempromosi budaya. Maka dapat difahami bahawa melalui filem, budaya dan imej sesebuah bangsa dapat ditonjolkan kepada seluruh dunia.

Justeru, jutaan ringgit malah berbillion dapat diperolehi daripada filem yang berkualiti dan pecah panggung (Rizon, Abdullah & Hisham, 2016). Oleh itu, filem diibaratkan sebagai pengaliran penyebaran maklumat dari satu pihak ke satu pihak yang lain. Pasukan produksi filem memainkan peranan yang sangat penting. Justeru, penerima akan dapat terkesan secara langsung jika mesej yang diterima jelas dan berkualiti daripada filem penerimanya (Rizon, Abdullah & Hisham, 2016). Maka dapat difahami bahawa produksi filem memainkan peranan penting dalam menghasilkan filem yang berkualiti dan boleh mendatangkan keuntungan.

#### **4.2 Topic 2 - Artis Veteran**

Definisi artis menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah orang yang kerjayanya atau kegemarannya mencipta hasil seni seperti penyanyi dan penari. Artis adalah orang yang membuat atau mempraktikkan seni, baik dengan bakat semula jadi atau secara profesional. Artis berasal dari bahasa Latin *ars* atau artis yang menunjukkan keupayaan untuk melakukan sesuatu dengan akhiran - *Ista* menunjukkan profesion atau perdagangan. Seorang seniman boleh disebut dalam empat konteks iaitu seseorang yang berlatih secara profesional atau mempunyai kelayakan akademik dalam bidang seni rupa seperti muzik, lukisan, patung, tarian, atau puisi yang bekerja di kawasan hiburan orang yang mempunyai bakat untuk mencipta karya seni yang menunjukkan kemampuan khas dalam aktiviti kraf seperti, contohnya, tukang masak atau tukang emas (Encyclopedia-titanica, 2021). Manakala maksud veteran menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah orang yang telah banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara. Veteran bermaksud orang yang berpengalaman dalam bidang tertentu (Mykamus, 2014). Maka dapat difahami bahawa artis veteran bermaksud orang yang sudah berpengalaman meceburkan diri dalam aktiviti seni seperti melukis, berlakon, menyanyi dan menulis skrip.

Artis veteran jujurnya memiliki lebih ramai peminat jika dibandingkan dengan artis baru kerana mereka lebih berkualiti dari segi nyanyian dan lakonan. Artis veteran mula popular kerana bakat dan mereka bermula daripada bawah. Artis veteran dipilih kerana penilaian juri bukan kerana undian, jika lahir daripada program nyanyian. Karya artis veteran lebih diingati kerana artis lama lebih bersungguh dalam mencurahkan idea dalam industri seni (Helmi, 2019). Artis veteran telah membina

sebuah hab hiburan dan perfileman yang megah di Malaysia dan Singapura. Mereka sangat dikagumi suatu ketika dahulu dalam dunia perfileman Melayu. Artis veteran ialah khazanah yang bernilai kepada kita semua (Ismawati, 2019). Mereka sangat professional dan tahap nilai seni mereka begitu tinggi. Hal ini demikian kerana, artis veteran sangat ikhlas bekerja, mendahulukan mutu dan begitu menolak populariti dan wang. Maka dapat difahami bahawa artis veteran masih popular, bersungguh dalam bekerja, memiliki sifat professional, mempunyai kualiti yang tinggi dan sangat ikhlas bekerja.

#### **4.2.1 Pelakon**

Menurut Gurusamy dan Thambu (2018), pelakon dapat menjelmakan diri sebagai seorang yang melaksanakan prinsip-prinsip moral, berpendirian dan beretika ketika berlakon. Seseorang pelakon perlu menggunakan teknik imaginasi untuk membina perwatakan dalam lakonan. Pelakon melalui proses imaginasi yang merupakan satu usaha dalam memberi gambaran secara jujur melalui lakonannya (Amir, Rohizani, Azrul, Norazimah & Anida, 2021). Maka dapat difahami bahawa pelakon memerlukan etika dan imaginasi untuk menghidupkan watak yang dibawa.

Semasa era tersebut menjadi proses pertama ke arah pembentukan industri filem nasional Malaysia dengan penglibatan pelakon-pelakon Melayu (Fatimah & Afifah, 2020). Ia bermula dengan pelakon teater Bangsawan Melayu bermula dengan filem *Laila Majnun*. Seterusnya, pelakon daripada orang-orang Melayu tempatan dalam filem-filem Melayu lain seperti *Bermadu* (1937), *Nelayan* (1938), *Ibu Tiri* (1941), *Seruan Merdeka* (1946) dan *Singapura Di-Waktu Malam* (1947). Maka dapat difahami bahawa penglibatan pelakon-pelakon Melayu semakin bertambah dari tahun ke tahun.

Pelakon drama mudah mempengaruhi golongan remaja dengan tutur kata, perbuatan dan gerak tubuh mereka dalam sesebuah drama. Golongan remaja memiliki sifat inkuiri atau ingin tahu yang tinggi dalam diri mereka. Hal ini demikian menyebabkan remaja mudah terpengaruh dan mempraktikkannya apa yang mereka lihat dan dengari dari pelakon. Pelakon juga dijadikan ikon dalam kehidupan seharian oleh sesetengah masyarakat (Ayuni, 2017 seperti dipetik dalam Utusan Online, 10 Oktober 2013). Menurut Tan Sri Lee Lam Thye (2014), percakapan pelakon mudah

mempengaruhi masyarakat dan bukan sekadar aksi pergaduhan dan gangsterisme semata-mata. Pertuturan pelakon lebih mudah mempengaruhi penonton berbanding perlakuan mereka. Setiap babak yang dilakonkan pelakon boleh mempengaruhi masyarakat secara tidak langsung (Ayuni, 2017 seperti dipetik dalam Berita Harian, 27 Disember 2014). Maka dapat difahami bahawa pelakon dapat mempengaruhi minda masyarakat melalui pertuturan dan tingkah laku mereka.

#### **4.2.2 Pengarah**

Orang-orang Melayu mula terlibat dalam filem nasional Malaysia sebagai tenaga kreatif dan kemunculan pengarah filem tempatan. Pengarah filem memiliki pemikiran yang rumit dan dinamik dalam melakukan adaptasi karya sastera ke filem dalam usaha menyerlahkan kebolehan industri filem Melayu (Nazreen, 2015). Menurut Juliana dan Mahyuddin (2009), penerbit dan pengarah filem-filem masih lagi mendukung nilai-nilai dan norma ideologi yang ada walaupun terdapat filem agak radikal. Sesetengah pengarah telah mengubah atau mengolah semula sebahagian besar unsur yang terdapat dalam teks asal dengan menggunakan bentuk “adaptasi longgar” (Nazreen, 2015). Peranan yang penting dimainkan oleh pengarah filem dalam menggerakkan jalan cerita setiap filem (Nazreen, 2015). Maka dapat difahami bahawa sesetengah pengarah filem telah mengadaptasi sesuatu teks kepada bentuk yang berubah dari struktur asalnya.

Sesetengah pengarah lebih berfokus untuk mempamerkan aksi-aksi lasak dalam filem dan tidak mengengahkan isu-isu sosial dalam masyarakat dalam bentuk yang lebih kritikal. Filem sering mengulang dan memanjangkan babak perlumbaan kereta, pelanggaran, dan aksi stunt (Juliana dan Mahyuddin, 2009). Sesetengah pengarah pula lebih gemar menghasilkan filem bertemakan percintaan. Hal ini demikian kerana, seolah-olah lumrah dan sebati dalam diri masyarakat Malaysia untuk menyetengahkan tema cinta (Juliana dan Mahyuddin, 2009). Menurut Amri (2006), ideologi yang bertemakan kasih sayang dan tanggungjawab sesama masyarakat ada juga diketengahkan oleh pengarah filem. Maka dapat difahami bahawa sesetengah pengarah lebih gemar menyetengahkan tema percintaan, aksi berbanding isu-isu yang kritikal.

### ***4.2.3 Penulis Skrip***

Menurut Nazreen (2015), pengarang novel, penulis skrip dan penerbit filem wujud sinergi yang kuat antara satu sama lain. Penulis skrip memiliki pemikiran yang rumit dan dinamik dalam melakukan adaptasi karya sastera ke filem dalam usaha menyerlahkan kebolehan industri filem Melayu (Nazreen, 2015). Peranan yang penting dimainkan oleh penulis skrip dalam menggerakkan jalan cerita setiap filem (Nazreen, 2015). Sesetengah penulis skrip telah mengubah atau mengolah semula sebahagian besar unsur yang terdapat dalam teks asal dengan menggunakan bentuk “adaptasi longgar” (Nazreen, 2015). Maka dapat difahami bahawa penulis skrip memainkan peranan yang besar dalam penghasilan sesebuah filem.

Teks sastera dengan filem adaptasi perlu perbandingan antara beberapa unsur naratif, iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema oleh penulis skrip (Desmond & Hawkes, 2006). Unsur logik dalam jalan cerita filem boleh dikukuhkan melahirkan interpretasi sendiri oleh penulis skrip. Tambahan lagi, kemampuan pihak produksi, pemasaran, konteks masyarakat dan sebagainya juga mempengaruhi pengolahan skrip. Elemen yang terkandung dalam teks asal sebahagian besar telah dibuang oleh sesetengah penulis skrip. Hal ini menyebabkan teks sastera dalam filem gagal untuk dikekalkan semangat atau mood yang asalnya ada (Nazreen, 2015). Maka dapat difahami bahawa sesetengah penulis skrip telah mengubah maksud sebenar dalam teks asal.

TRANSKRIP TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH



## **5.0 TRANSKRIP TEMBUAL BERSAMA TOKOH**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang lakonan. Bersama-sama kami ialah Tuan Namron yang merupakan seorang pelakon. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 25 November 2021 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 8 setengah malam bertempat di Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nur Hidayah Binti Abd Rahman dan juga Nur Athifah Syairah Binti Marzuki. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**NHAR: Alright [baiklah]. Okey, sebelum itu saya ingin bertanyakan, saya akan mulakan dengan soalan orientasi iaitu mengenai latar belakang.**

**SBA: Okey.**

**NHAR: Okey, abang Namron? Boleh tuan, boleh [SCI, abang] Namron ceritakan sedikit tentang latar belakang.**

**SBA: Okey kita ikut sini ke apa? Latar belakang maknanya nama lah eh?**

**NHAR: Haah. Secara spontan.**

**SBA: Nama sebenar saya-- Shahili Bin Abdan.**

**NHAR: Hm.**

SBA: Dilahirkan pada tahun sembilan belas enam puluh Sembilan [1969], di Kangar, Perlis [Malaysia].

**NHAR: Hm.**

SBA: Hm, dilahirkan di Kangar, Perlis [Malaysia] dan dibesarkan jugak di Kangar, Perlis [Malaysia].

**NHAR: Okey.**

SBA: Saya mempunyai lima orang adik beradik dan saya-- anak yang paling bungsu lah. Tapi sebenarnya saya ada tiga [3] emak eh, saya ada tiga [3] emak tapi untuk so [jadi] sa\_ yang\_ (gangguan rangkaian internet) satu orang lagi kakak tapi mak yang beza lah dengan ada lagi tiga [3] orang adik tapi mak berbeza jugak.

**NHAR: Okey, kalau yang ibu dan ayah yang be\_\_ macam maksudnya untuk satu [1] ibu.**

SBA: Satu [1] ibu dengan satu [1] ayah, lima [5] beradik.

**NHAR: Lima [5] beradik, okey. Okey dimana-- kah negeri tuan dibesarkan?**

SBA: Di Kangar, Perlis [Malaysia].

**NHAR: Kangar, Perlis [Malaysia]. Okey-- seterusnya, saya nak tanyakan dekat abang Namron lah, boleh tak cerita sedi\_\_ serba sedikit tentang keluarga abang Namron?**

SBA: Okey, nama ibu bapa saya nama mak, Azizah-- binti Hamid--. Azizah Binti Hamid. Nama bapak Abdan. Bin Yeob. Pekerjaan-- macam-macam ayah saya-- tak pasti sebab ayah saya, dia kerja kampung lah. Dia kerja kampung tapi saya tidak dibesarkan oleh ay\_\_ (gangguan rangkaian) dia ada buat, tapi rasanya dia buat kerja kampung jugak kot.

**NHAR: Okey.**

SBA: Dia buat-buat kerja--kerja kampung lah. Mak lepas berpisah dengan ayah dia-- meniaga. Dia tapi dia buat kerja macam-macam jugak. Baru---- lepas berpisah dengan ayah tu dia buat kerja macam--- dia-- pernah kerja tiga [3] *shift* [waktu kerja] lah satu hari untuk besarkan anak-anak dia and *then* [selepas itu] dia sekarang dia tak bekerja lah. Sekarang dah tua dah tak bekerja lagi lah dan dia meniaga jugak lah sampai satu ketika tu dia meniaga dia meniaga nasi lah. Nasi campur di--restoran.

**NHAR: Dekat Perlis [Malaysia]?**

SBA: Dekat Perlis [Malaysia].

**NHAR: Okey.**

SBA: Tapi ni tahun lapan puluh [1980] an dulu.

**NHAR: Oh okey--.**

SBA: Tujuh puluh [1970] an, lapan puluh [1980] an dulu. So [jadi] Sembilan puluh [1990] an dia dah-- bersara dah.

**NHAR: Bersara**

SBA: Dah tak bekerja dah.

**NHAR: Okey**

SBA: Sampai sekarang lah. Heeh (berdehem)

**NHAR: Okey. Boleh saya tahu sampai umur berapa abang Namron duduk dengan ibu bapa abang Namron.**

SBA: Tujuh [7] tahun saya kemudian dorang berpisah kemudian saya duduk dengan mak je lah sampai dewasa.

**NHAR: Sampai sekarang lah? Okey.**

SBA: Tak jugak, sekarang dah tak duduk tak duduk dengan ni lah ibu bapak.

**NHAR: (ketawa tersipu malu). Okey. Saya teruskan lagi dengan soalan seterusnya lah.  
Boleh tak bang Namron ceritakan tentang latar belakang pendidikan.  
Contohnya, de\_\_ sekolah dekat mana.**

SBA: Saya bersekolah dekat Perlis [Malaysia]. Sekolah rendah nama sekolah saya tu Sekolah Kebangsaan sekolah-- kalau dulu nama dia Sekolah Rendah-- Seri--. Perlis. Seri Perlis. Sekarang-- dah tukar nama dah jadi Sekolah-- Kebangsaan Seri Perlis.

**NHAR: Oh.**

SBA: Kangar, Perlis [Malaysia].

**NHAR: Masa zaman--.**

SBA: Masa tu.

**NHAR: Masa zaman tu tuan, eh masa zaman tu, abang Namron aktif sukan tak?**

SBA: Saya memang bukan saya tak aktif sukan masa zaman, saya bukan olah\_\_ \_\_ (gangguan rangkaian internet). Saya aktif lah masa sekolah.

**NHAR: Hm okey pernah tak tuan bercita-cita masa zaman sekolah untuk jadi seorang pelakon?**

SBA: Tak--. Takde.

**NHAR: Tak pernah.**

SBA: Hm.

**NHAR: Boleh saya tahu apa cita-cita tuan pada zaman sekolah dulu?**

SBA: Saya takde-- spesifik--. Cikgu tanya saya bagi tahu lah. So [jadi] saya takde. Waktu-- sekolah rendah saya takde satu-- cita-cita sekolah menengah pun sebenarnya takde. Saya takde tak-- seorang kanak-kanak yang takde cita-cita. Sesetengah orang dia\_\_.

**NHAR: Spesifik?**

SBA: Spesifik. Dia ikutlah, ikutlah. Kalau tahun ni cikgu tanya bagi jawapan bagi jawapan je lah tapi takde.

**NHAR: Takde betul-betul lah\_\_**

SBA: Takde betul-betul yang pegang.

**NHAR: Okey masa zaman persekolahan apa tu abang Namron pernah menyertai apa-apa pertandingan yang berkenaan dengan lakonan tak?**

SBA: Sekolah rendah-- bukan pertandingan hari guru kot (sambil menggaru pipi). Saya darjah lima [5] kot atau darjah enam [6], saya ada buat satu persembahan

maknanya untuk hari guru lah (sambil menggaru telinga). Cikgu panggil-- ni lah buat macam pantomim--.

**NHAR: Pantomim tu berlakon?**

SBA: Dia apa berlakon tanpa dialog tu.

**NHAR: Oh spontan? (sambil memetik jari) secara spontan?**

SBA: Bukan-----, (sambil menggelengkan kepala) bukan spontan. Dia pantomim ni sejenis kesenian lakonan yang diorang tak-- menggunakan dialog, maknanya dia ada muzik, *background* [latar belakang] dia pasang muzik, tapi-- dia tak menari.

**NHAR: Dia macam gerak geri je.**

SBA: Haah. Diaorang buat gerak--, jalan-- nanti ada suara latar yang akan bercakap jadi pelakon tu hanya bergerak-gerak atas pentas je

**NHAR: Hm (sambil menganggukkan kepala).**

SBA: Buat-- aktiviti lah, duduk minum ke berjalan ke.

**NHAR: Faham-- (sambil menganggukkan kepala). Oh okey masa zaman persekolahan tak kira lah sekolah menengah atau sekolah rendah kan, abang Namron ada terima anugerah yang berkaitan ni tak bidang lakonan?**

SBA: Takde.

**NHAR: Takde?**

SBA: Takde.

**NHAR: Okey-- adakah abang Namron melanjutkan pelajaran di peringkat universiti?**

SBA: Universiti tak tapi saya masuk akademi.

**NHAR: Akademi (sambil menganggukkan kepala).**

SBA: Haa saya belajar di Akademi Seni Kebangsaan [ASK].

**NHAR: Macam ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Bangsa]?**

SBA: Haah sekarang ASWARA lah. Sekarang ASWARA, masa tu saya masuk Sembilan puluh empat [1994] *first batch* [kumpulan pertama] waktu itu ASK atau ASWARA itu baru sahaja ditubuhkan pada tahun sembilan belas sembilan puluh empat [1994] dan saya merupakan salah seorang daripada *first batch* [kumpulan pertama] lah.



**NHAR: Oh *first batch* [kumpulan pertama] (sambil menganggukkan kepala). Okey, apakah pencapaian terbaiklah yang tuan ingat masa zaman persekolahan?**

SBA: Pengalaman yang menyeronokkan pada zaman persekolahan hm (berfikir lama) (sambil menggaru kepala). Takde-- sangat lah, takde *something* [sesuatu] yang menyeronokkan sangat lah sebab saya-- *so* [jadi] saya bawak diri saya je sendiri-- je.

**NHAR: Oh faham.**

SBA: Saya tak berkawan, tak ini semua saya pergi sekolah, saya balik rumah je, *so* [jadi] saya tak campur sangat kalau ini pun saya keluar sorang-- pergi tengok wayang.

**NHAR: Faham.**

SBA: Saya tak-----.

**NHAR: Lebih suka \_\_.**

SBA: Kecuali masa sekolah rendah tu adalah benda-- yang budak-budak kampung buat, lastik burung ke, pergi main dalam hutan belukar ke, haa benda-benda macam tu je lah.

**NHAR: Faham.**

SBA: *Normal* [biasa] je macam budak-budak lain jugak. Sekolah menengah ada seorang kawan pun dekat satu kampung jugak, alah biase je pergi apa naik basikal, ronda-ronda basikal, dekat-- bandar haa macam gitu-- je. Takde yang *something* [sesuatu] yang macam ohh yang menyeronokkan takde sangat lah.

**NHAR: Faham.**

SBA: Kecuali apa haa (sambil mengusap jambang) hm takdelah (sambil menggelengkan kepala). Kecuali saya rasa macam pergi ni lah kot ada kalau saya\_ (gangguan rangkaian internet). Sekolah ada buat kem-- tahunan mewakili untuk peringkat zon utara. *So* [jadi] boleh jumpe orang luar apa semua. Pergi *camping* [perkemahan] semua boleh tembak pakai M16 [sejenis pistol]. Saya rasa itu dah menyeronokkan kot. Boleh di *consider* [anggap] sebagai menyeronokkan kot (sambil tersenyum gembira).

**NHAR: Salah satu pengalaman yang hebat jugak lah kan (sambil menganggukkan kepala).**

**NASM: Oh dulu abang Namron ni masuk kadet polis ke masa sekolah dulu?**

SBA: Haa?

**NASM: Badan beruniform?**

SBA: Bada beruniform haa saya masuk kadet polis-- pun saya masuk tingkatan empat [4] lah *so* [jadi] sempat dua [2] tahun (sambil menunjukkan dua jari) je. Tingkatan empat [4] dan lima [5]. *So* [jadi] dua [2] tahun je saya dengan kadet

polis. Persatuan-persatuan lain sekolah rendah ada lah kot pengakap. Tapi tak aktif sangat pun. Dulu pengakap tapi tak-- aktif sangat sebab mak pun tak mampu beli apa uniform [pakaian seragam] pengakap tu. So [jadi] macam *uniform* [pakaian seragam] pun takde\_ (gangguan rangkaian internet).

**NHAR: Okey seterusnya lah kan abang Namron sebelum jadi artis ataupun selepas belajar abang Namron ada tak apa-apa pekerjaan sampingan?**

SBA: Okey sebenarnya, saya ambik saya buat banyak kerja sebenarnya sewaktu saya sekolah dulu pun saya dah *start* [mula] kerja, masa sekolah menengah *even* [walaupun] sekolah rendah pun saya *start* [mula] tolong mak saya dekat kedai makan. So-- dekat pasar malam dia meniaga sebelum itu dia meniaga jugak pasar malam so [jadi] dekat pasar malam pernah tolong dia berjaga dekat pasar malam, tolong dia dekat apa (sambil menggaru kepala) dekat kedai makan tu. Kemudian macam sekolah menengah tu pernah buat kerja macam jaga *parking* [tempat meletakkan kenderaan], jaga *parking* untuk *fun fair* [taman hiburan] tapi dia bukan kerja tetap lah.

**NHAR: Dia macam kerja sampingan lah.**

SBA: Haa yang sampingan yang untuk saje cari duit lebih sikit. Kadang-kadang pergi tangkap biawak ke kura-kura ke jual.

**NHAR: Jual dekat pasar (sambil ketawa).**

**NASM: Masa meniaga tu masih ingat lagi ke meniaga apa dengan mak tu?**

SBA: Kalau pasar malam tu laksa, mak memang *famous* [terkenal] buat laksa lah waktu tu. *So* [jadi] dia jual laksa utara kemudian kedai makan tu dia jual nasi campur lah (sambil kemam bibir). Haa dengan cucur udang, petang-petang dia jual cucur udang dekat situ *then* [kemudian] saya buat apa lagi eh, jaga *parking* lah apa-apa kerja gitu kemudian yang betul-betul yang saya rasa lagi lepas-- saya habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sementara nak tunggu *result* [keputusan] SPM keluar tu banyak juga saya buat. Saya pernah kerja kelang--padi.

**NHAR: Kilang padi (sambil menganggukkan kepala).**

SBA: Proses--- padi dijadikan beras tu so [jadi] kerja pun tolak--- tu tolak--- bertih padi tu. Kemudian buat juga *bisness* [perniagaan] meniaga jual air kelapa, jual goreng pisang, pernah jugak ternak ayam, bela ayam.

**NHAR: Ternak ayam sendiri ke orang punya?**

SBA: Ayam-- daging. Haah sendiri. Ayam pun dalam seratus ekor macam tu je.

**NHAR: Ohh.**

**NASM: Ternak dekat area rumah ke?**

SBA: Haah dekat belakang rumah. Buat reban masa tu saya ingat ada apa ah ada tak tahu mana punya tapi maknanya dia punya kerajaan lah tapi tak pasti kerajaan negeri ke kerajaan diaorang ada buat satu program.

**NHAR: Peruntukan lah?**

SBA: Haah program untuk membantu apa petani-petani nil ah so [jadi] saya dapat ni dapat-- saya dapat reban, dia buat reban untuk kita *propose* [buat] projek cakap nak bela ayam so [jadi] diaorang bagi-- peruntukan. Dia bagi reban, dia buat satu reban yang besar lah. Kayu-kayu semua kita tak keluar duit lah, kita cuma bela ayam-- je lah untuk-- kemudian-- lepas tu lepas *result* [keputusan] SPM keluar, saya-- *apply* [mohon] masuk IKM [Institut Kemahiran Mara] Jasin, Melaka [Malaysia]. Belajar ketuk\_\_ (gangguan rangkaian internet).

**NHAR: Belajar apa?**

SBA: Cat kenderaan kalau dalam bahasa inggeris dia panggil *course* [kursus] tu sebagai spray painting [melukis menggunakan semburan].

**NHAR: Oh mengecat kenderaan.**

SBA: Haah mengecat kenderaan. Mengetuk dan mengecat maknanya kereta yang *accident* [kemalangan] yang kemik-kemik semua dia akan hantar bengkel kan?

**NHAR: Oh saya rasa sekarang *course* [kursus] tu takde lagi tak?**

SBA: Takde, saya tak pasti. Ada lagi rasanya, ada lagi kot. Tak pasti-- So [jadi] waktu itu tahun berapa eh tahun lapan puluh hingga lapan puluh lapan [tahun 1987-1988] rasanya. Waktu tu awak pun tak lahir lagi rasanya.

**NHAR: Saya belum, saya sembilan puluh sembilan [tahun 1999] (sambil ketawa).**

SBA: *So* [jadi]-- waktu tu saya *apply* [mohon] masuk IKM sebab *result* [keputusan] SPM pun tak bagus dapat pangkat tiga [3] je. *So* [jadi] dapat masuk ke IKM tu lah.

**NHAR: Diploma eh?**

SBA: Bukan. Sijil.

**NHAR: Sijil. Okey.**

**NASM: Encik Namron.**

SBA: Dia takde diploma, dia ade sijil je asas, *basic* [asas]--, kemudian dia ada (gangguan rangkaian internet). *So* belajar kat IKM tu kalau awak sampai peringkat *advance* [kemajuan] awak boleh-- pergi *Japan* [Jepun], belajar kat *Japan* [Jepun] pulak sambung belajar.

**NHAR: Dia macam-- satu-- cara yang pantas lah untuk kita sambung belajar ke luar negara eh?**

SBA: Haah maknanya-- dengan sijil itu kita boleh *apply* [mohon] untuk pergi belajar apa peringkat yang lebih tinggi lah peringkat bukan-- diploma nak panggil pun tak boleh dia macam sijil jugak.

**NHAR: Macam politeknik sekarang lah?**

SBA: Haa mungkin.

**NHAR: Vokasional--.**

SBA: Dia nak lahirkan pekerja professional je. *So* [jadi].

**NHAR: Dia punya tempoh pengajian tu berapa tahun tu?**

SBA: Dua [2] tahun.

**NHAR: Dua [2] tahun. Okey tadi kan abang Namron cerita dekat kilang kan? Boleh tak abang Namron ceritakan *rate* [kadar] gaji pada zaman dahulu tu?**

SBA: Waktu tu saya kerja kilang padi tu murah je satu gundi tu saya tolak dapat dalam berapa sen je ntah, lima [5] sen [mata wang Malaysia]?

**NHAR: Lima [5] sen [mata wang Malaysia] (sambil menganggukkan kepala).**

SBA: Lima [5] sen [mata wang Malaysia] (gangguan rangkaian internet) apa pikul-- apa gundi tu bawak masuk atas lori dua puluh [20] sen [mata wang Malaysia] bayar. Kalau yang jait gundi tu dalam-- sepuluh [10] sen [mata wang Malaysia] kot atau lima belas [15] sen masatu.

**NHAR: Dia dapat tu berbeza mengikut apa yang kita buat kan?**

SBA: Ya---. Kalau-- haritu kita boleh kalau saya lima [5] sen [mata wang Malaysia] saya tolak padi haritu banyak jadi banyak lah saya dapat. Tapi banyak pun tak banyak lah lima [5] sen [mata wang Malaysia] kan?

**NHAR: Haah faham.**

SBA: Lima [5] sen [mata wang Malaysia] zaman tu-- tak besar. Lima [5] sen [mata wang Malaysia] zaman di mana kalau awak nak makan.

**NHAR: Nasi lemak berapa?**

SBA: Nasi lemak waktu tu.

**NHAR: Lima [5] sen [mata wang Malaysia]?**

SBA: Dua puluh [20] sen [mata wang Malaysia].

**NHAR: Uish mahal jugak, saya ingatkan sama harga dengan nasi lemak.**

SBA: Tak---. Yang lima [5] sen [mata wang Malaysia] tu masa saya sekolah rendah dulu. Masa saya sekolah rendah dulu bawak pergi sekolah 10 sen cukup untuk beli air lima [5] sen [mata wang Malaysia], makan lima [5] sen [mata wang Malaysia].

**NHAR: Ohh.**



SBA: Waktu tu.

**NASM: Kilang padi**

SBA: Tujuh puluh [70] an [tahun 1970]

**NASM: Kilang padi tu kerja berapa jam tu? Ada tak tempoh masa?**

SBA: Saya, dia\_ \_ \_ (gangguan rangkaian internet). Selalunya *based on* [berdasarkan] projek lah. Sebenarnya berapa banyak yang kita buat tapi dia ada masa dia tapi itu pun dia bukan berhari-hari, dia bermusim jugak. Musim di mana bila orang dah tuai padi baru ada benda tu.

**NHAR: Haah betul.**

SBA: Tapi diaorang pun buat ada *shift* [waktu kerja]-- jugak, ada *shift* malam, *shift* siang.

**NHAR: Masa zaman tu mesin-mesin pun takde kan? Tak banyak lah kecanggihan teknologi tu kan?**

SBA: Waktu tu semua pakai tenaga-- manusia lah.

**NHAR: Tenaga manusia. Haa okey. Okey boleh tak abang Namron cerita sikit rutin harian abang Namron setiap hari contohnya aktiviti apa yang abang Namron buat waktu sekarang lah macam awal pagi tu abang Namron buat apa aktiviti yang sihat ke?**

SBA: Takde sangat. Saya takde *specific* [terperinci]-- aktiviti. Saya rasa nak buat saya buat. Saya takde macam sesetengah orang bangun pagi tiap-tiap hari jogging dulu ke.

**NHAR: Haah (sambil tersenyum).**

SBA: Takde--. Saya takde--- spesifik. Saya punya aktiviti adalah kerja je. Saya takde aktiviti\_ \_ \_ (gangguan rangkaian internet). Tak ikut *time* [masa]. Takde macam.

**NHAR: Apa nak buat, buat je lah macam tu?**

SBA: Kalau contohnya saya cuma jaga masa tidur saya je bagi cukup-- dalam tujuh [7] jam.

**NHAR: Tujuh [7] jam satu [1] hari.**

SBA: Tujuh [7] ke lapan [8] jam satu hari untuk rehat untuk tido so *time* [masa] tak tentu, kadang-kadang saya tido pukul 3 pagi, kadang- kadang pukul 8 pagi baru tido.

**NHAR: Oh dia ikut masa yang ada lah macam tu kan? Okey.**

SBA: Sebab selain daripada berlakon, saya juga menulis, saya juga buat kerja-kerja *you know* [kamu tahu].

**NHAR: Mengarah.**

SBA: *So* [jadi] kerja-kerja macam menulis ni lebih banyak dibuat waktu malam dan sampai ke pagi.

**NHAR: Okey sekarang saya akan teruskan lah dengan soalan umum lah kan.**

SBA: Haah.

**NHAR: Okey Athifah boleh teruskan.**

SBA: Tapi tadi ni tak habis lagi ni, kerja tu, kerja--- saya banyak. Sebelum-- saya pergi belajar. Sebelum saya pergi masuk-- belajar tu saya sebelum saya masuk belajar ke ASK tu ASWARA sekarang ni.

**NHAR: Macam-macam kerja tuan buat eh?**

SBA: Kan saya cakap haritu saya pernah belajar kat IKM so saya balik, saya kerja di bengkel kereta--.

**NHAR: Dah *start* [mula] lah gunakan ilmu tu?**

SBA: Haa. Sampai saya bukak-- bengkel sendiri sebab saya buka bengkel sendiri. Sebab saya tak terus bukan saya masuk ASK tu bukan lepas habis belajar. Saya masuk waktu sembilan puluh empat [1994] tu umur saya dah dua puluh lima tahun [25] tahun.

**NHAR: Oh.**

SBA: Baru saya masuk *first year* [tahun pertama]. *So* [jadi] saya kerja bengkel tu agak lama jugak daripada habis belajar tu daripada lapan puluh sembilan [1989] tu sampai ke sembilan puluh empat [1994] lah saya kerja bengkel tapi bertukar-tukar lah sampai saya bukak bengkel saya sendiri dan saya tutup balik bengkel tu (sambil ketawa).

**NHAR: Lama tak tempoh bukak bengkel tu?**

SBA: Saya bukak bengkel tu tak lama sebenarnya. Saya kerja bengkel tu ama, saya bukak saya rasa setahun kot ke tak sampai setahun saya tutup sebab.

**NHAR: Nak fokus belajar. Sambung belajar?**

SBA: Tak sebab waktu tu saya dah teater\_\_ (gangguan rangkaian internet).

**NHAR: Kemudian lah?**

SBA: Teater *so* [jadi] bila saya dah start *involve* [mula terlibat] dengan teater saya kerja saya dah tak suka. Saya takde minat untuk teruskan buat kerja tu.

**NHAR: Yang masa bukak bengkel tu kan abang Namron modal sendiri ke keluarga atau modal yang abang Namron kerja--.**

SBA: Itu modal tu saya pinjam daripada kakak saya yang sulung tapi dah bayar balik dah lah masa-- kerja tu jugak masa bukak bengkel tu dah-- settle [selesai] dia macam dia macam pinjaman lah.

**NHAR: Pinjaman dengan keluarga sendiri lah kan?**

SBA: Haah pinjam.

**NHAR: Okey.**

SBA: Okey lepastu.

**NASM: Seterusnya nak bertanya lah berkenaan dengan perjalana tuan lah menceburi bidang lakonan ni pulak. Ingat lagi tak umur berapa abang Namron ni mula berlakon?**

SBA: Kalau macam tadi saya cakap kalau betul-betul yang pertama kali tu adalah saya naik atas pentas tu yang saya buat pantomime tu. Waktu darjah 5, darjah 6 tu. Tapi waktu tu takde pun. Saya cuma *discover* [sedar] waktu tu saya *discover* [sedar] yang sebab saya *loner* [keseorangan] bila saya.

**NHAR: Suka berkarya.**

SBA: Saya rasa ada-- kewujudan. Saya rasa saya wujud sebab sebelum ni saya rasa saya tak wujud perasaan rasa tak wujud tu muncul apabila kita datang sekolah ke tak datang sekolah ke cikgu tak perasan.

**NHAR: Sama je. Ohh.**

SBA: Cikgu tak cikgu tak perasan pun kita ada ke takde ke dalam kelas kita tak rasa macam kita ni wujud kalau duk kelas pun duk kelas paling belakang kemudian kalau duduk kelas paling belakang pun kelas yang tercorot. Kelas tu dah lah tercorot duduk pulak paling belakang kan. *So* [jadi] macam.

**NHAR: Macam ketinggalan lah (sambil ketawa).**

SBA: Haah rasa macam pendidikan waktu tu tak rasa penting pun dulu sekolah rendah tu tak rasa cam fungsi pergi sekolah belajar tak tahu. Tak tahu apa fungsi hanya *just* [hanya] pergi je balik.

**NHAR: Ikut arahan je lah kan.**

SBA: Haa. *So* [jadi] bila dapat peluang berlakon waktu darjah 5 *so* [jadi] orang mula bercakap orang kampung bercakap bercerita.

**NHAR: Menang eh masa tu?**

SBA: Bukan pertandingan dia persembahan.

**NHAR: Ohh persembahan ohh barulah orang nampak abang Namron wujud dekat kampung tu macam tu?**

SBA: Mak saya balik bagitahu sebab mak saya pun rasa dia tak tahu kot saya *involve* [terlibat] benda tu *so* [jadi] dia balik dia kata kau pelakon ni ada orang cakap dekat dia kata berlakon dekat ni apa semua *so* [jadi] orang macam cerita tu macam sedih-sedih sikit kan cikgu buat waktu tu cerita-cerita air mata sikit macam budak minta sedekah gitu, kene tolak dengan orang. Lah apa jadi makcik--- yang pergi tengok tu anak-anak dorang belajar situ kan contohnya *parent* [ibubapa] dan *student* [pelajar]. *So* [jadi] dorang pun tersentuhlah hati *so* [jadi] cerita cerita lah dekat mak yang macam “*Orang tengok anak kau berlakon tu aku sedih lah. Nangis lah tengok ni*”.

**NHAR: Lama ke tempoh persembahan tu sampai buat orang tersentuh.**

SBA: Takdelah dalam lima [5] minit, sepuluh [10] minit macam tu je.

**NHAR: Tapi mendalam eh. Baru kita perasan bakat terpendam kita.**

SBA: Orang kampung lah yang rasa sedih lah apa semua tu. *So* [jadi] bercerita tu *so* [jadi] ada lah rasa macam\_\_\_ (gangguan rangkaian internet).

**NHAR: Terharu lah rasa macam dihargai kan?**

SBA: “*Oh aku-- wujud lah*”. Aku-- ada perhatian. Haa kan. Orang *loner* [keseorangan] ni orang *loner*, budak-budak yang *loner* atau orang-orang besar yang *loner* ni diaorang *lack of attention* [kekurangan perhatian] kan dia kurang

perhatian. Bila dia kurang perhatian sebab mak saya kan dia kerja sampai tiga [3] *shift* [waktu kerja] sebab nak sara keluarga. Pagi pergi basuh baju, rumah orang petang dia pergi apa buat kerja lain pulak. Malam dia pergi cuci pejabat pulak *so* [jadi] dia dengan anak-anak takde-- *time* [masa]. *So* [jadi] dia-- hanya pergi kerja pagi tu, kadang-kadang bangun pagi tu dia dah takde. Dia dah keluar pergi kerja. Lepastu balik sekolah tu dia takde dekat rumah pun sampai kita dah tido. Bila saya dah tido baru dia balik.

**NHAR: Macam hubungan abang Namron dengan adik beradik pun beza umur jauh ke?**

SBA: Saya sorang je yang jauh. Sebab yang lain-lain tu.

**NHAR: Sebab anak bongsu kan?**

SBA: Haa sebab yang lain-lain tu \_\_ (gangguan rangkaian internet). Kita bila dah ada empat [4] orang anak (sambil menunjukkan 4 jari) waktu tu masih dengan ayah saya lagi *so* [jadi] dia susah-- orang kampung yang susah yang-- *so* [jadi] waktu itu pun orang kerajaan pun buat kempen untuk kemiskinan tahun 60-an apa semua baru lepas merdeka *so* [jadi] orang melayu ramai yang miskin *so* [jadi] diaorang lihat faktor miskin kemiskinan orang melayu ni sebab anak banyak.

**NHAR: Anak ramai haah.**

SBA: Anak ramai *so* [jadi] kan dia ada kempen untuk merancang rancangan keluarga *so* [jadi] klinik-klinik atau apa orang-orang hospital ni orang-orang ni akan berkempen masuk kampung bagi pil perancang.



**NHAR: Ohh.**

SBA: Pil perancang (sambil menunjukkan 2 jari) dekat *family* [keluarga]-- supaya keluarga melayu ni tak tulah.

**NHAR: Tak ramai sangat lah.**

SBA: Tak ramai sangat (sambil menganggukkan kepala). *So* [jadi] dia ajar untuk-- merancang keluarga. *So* [jadi] mak saya salah sorang yang ambik lah benda tu. *So* dia amal kan. Lepas dah lahir kakak saya yang atas saya tu dah lahir *so* dia *decide* [buat keputusan] dia taknak dia dah *start* [mula] ambik\_\_ \_\_ (gangguan rangkaian internet).

**NASM: Oh itu tujuan tu lah kan macam nak mengurangkan kan kemiskinan waktu tu.**

SBA: Haah yelah waktu tu orang-orang kerajaan akan masuk kampung akan bercakap tentang keburukan benda ni lah dekat orang kampung.

**NASM: Bagi nasihat.**

SBA: *So* [jadi] ada kesedaran daripada diaorang untuk *start* [mula] merancang keluarga apa semua.

**NASM: Betul.**

SBA: Atas sebab tu dia ambik and *then* [dan kemudian] dia start tu ambik pil perancang tu semua tapi saya *still* [masih] lagi tu yang lima tahun lepastu saya *still* lagi dilahirkan lah.

**NHAR: Okey.**

**NASM: Seterusnya, abang Namron nak tanya minat abang Namron ni pada lakonan ni tercetus waktu *join* [sertai] persembahan masa sekolah tu kea tau waktu lain? Minat terhadap lakonan tercetus?**

SBA: Haa yang saya cakap tu kan bila kali pertama saya baik atas pentas tu.

**NHAR: Haah.**

SBA: Saya rasa seronok tu dan perasaan tu masih ada dalam diri saya suka untuk kedepan maknanya ada tetapi takde peluang.

**NHAR: Ohh takde peluang.**

SBA: Takde--- apa-apa tak reti pun cari peluang. Saya ingat waktu tu tingkatan ti\_\_ (gangguan rangkaian internet). Tak ingat tapi saya ingat nama dia lagi Cikgu Noraini. Cikgu Noraini ni dia ajar subjek Bahasa Malaysia, BM. Saya waktu tu adalah, kan saya cakap waktu sekolah rendah tu saya memang corot lah *so* [jadi] kalau tengok *report card* [kad laporan] tu takde biru, semua merah. Daripada darjah satu [1] sampai darjah enam [6] semua merah. Baik bahasa melayu, baik pendidikan islam kea pa ke semua merah. Bila naik tingkatan

satu [1] tu, saya masih lagi duk kelas paling corot, saya ingat lagi kelas kitaorang waktu tu ada enam.

**NHAR: Kelas keenam lah?**

SBA: Enam [6] ke tujuh [7] tapi yang paling akhir, kelas yang paling akhir sekali dan dalam kelas saya ni semua macam saya yang tak boleh membaca dan tak boleh menulis.

**NHAR: Ohh maksudnya masa tingkatan satu [1] pun masih belum boleh baca dan menulis lah?**

SBA: Belum---. Saya masih belum mahir, masih belum mahir untuk membaca dan menulis dan mengira jugak. *So* [jadi] tingkatan dua [2] pun tercorot jugak. Kelas cikgu pun macam haa masa ni saya tak tahu sekarang masih dipraktikkan lagi atau tak tapi dulu dorang memang buat pengasingan macam tu *so* [jadi] dekat sekolah ni \_ \_ \_ (gangguan rangkaian internet). Tak ni tak pandai, belajar tak masuk semua cikgu takkan usaha keras untuk *student* [pelajar] ni. Cikgu hanya tumpukan pada yang ada potensi.

**NHAR: Yang pandai lah?**

SBA: Haah sebab apa sebab yang ini akan keluar akan jadi buruh akan jadi petani *you know* [kamu tahu]. Dulu takde lagi apa tu pekerja imigran takde lagi *import* [masuk] dari Indonesia ke, semua lokal, buat bangunan ke kontrak--. Kerja buruh ni semua adalah lokal, kutip sampah ke apa semua ke lokal. *So* [jadi] murid-murid yang begini waktu itu memang dah di okey takpe takkan lepas SRP [Sijil Rendah Pelajaran] dan bila tak lepas SRP dorang akan

berhenti sekolah dan akan mula masuk alam pekerjaan untuk buat kerja-kerja nil ah.

**NHAR: Haah.**

SBA: *So* [jadi] begitu kita dibentuk waktu itu, dipecah-pecahkan macam tu.

**NHAR: Haah untuk diberikan pendekatan macam tu lah.**

SBA: Haa kalau semua pandai sape pulak nak kerja-- kutip sampah.

**NHAR: Haah betul.**

SBA: Siapa pulak yang nak buat petani, siapa pulak yang nak *you know* [kamu tahu] jadi buruh\_\_\_ (gangguan rangkaian internet) yang tak lepas tu yang kerja dia begitu lah sampai sekarang.

**NHAR: Macam contohnya Zahiril Adzim [Muhammad Zahiril Adzim bin Mohd Mokhtar Adzim, pelakon Malaysia], Beto Khusyairi [Dato' Nur Kusyairy Zakuan bin Osman, pelakon Malaysia] kan?**

SBA: Diaorang dulu popular tapi tak banyak *IG* [instagram] *follower* [pengikut] kat IG dorang tak cecah satu [1] juta. Ada jugak kita tengok artis veteran yang lagi lama macam kita tengok sape penyanyi-penyanyi,

**NHAR: Saiful Apek [Mohd Saifulazam bin Mohammad Yusoff, pelakon Malaysia].**

SBA: Haa Saiful Apek [Mohd Saifulazam bin Mohammad Yusoff, pelakon Malaysia] itu semua. Mawi [Asmawi bin Ani, penyanyi Malaysia] -- yang fenomena dulu.

**NHAR: Haa yang sangat-sangat terkenal.**

SBA: Berapa je *follower* [pengikut] IG dia tiga ratus ribu [mata wang Malaysia] je padahal haa so [jadi] apa yang kita kata yang dorang tak popular . Dekat sini dia ada satu-- garis nipis yang memisahkan populariti ke *follower* [pengikut] yang bercakap ni tapi sekarang orang melihat populariti itu *based on* [berdasarkan] *follower* [pengikut] eh. *Which is* [samaada] itu sebenarnya.

**NHAR: *Influencer* [pemberi pengaruh].**

SBA: Awak tanya saya tak *agree* [setuju]. Maknya tak *agree* [setuju] sebab ada bukti Brad Pitt takde IG. Okey.

**NHAR: Haah.**

SBA: Ramai je pelakon-pelakon Hollywood takde IG tapi dorang popular dan *job* [pekerjaan] dorang, bayaran dorang tetap mahal. Dan kita kena ingat jugak populariti itu\_\_ (gangguan rangkaian internet) kena popular. Tidak. Popular itu datang selepas dia berlakon.

**NHAR: Haah.**

SBA: Eh. Kalau kita tengok bila orang tu berlakon *so* [jadi] filem itu atau drama tu menjadi sambutan, mendapat sambutan, secara tidak langsung dia akan jadi popular.

**NHAR: Tapi haa sambung.**

SBA: Kerana filem itu ataupun drama itu. Macam itu juga penyanyi macam kita tengok penyanyi-- itu dia popular sebelum dia. jadi penyanyi apa sebelum dia ada album tak kenal pun dia. Bila album dia keluar, album dia meletup ni kene tengok kita tengok in fitrah dia. fitrah dia. Bukannya, kita cari ohh dia ni popular kene panggil dia berlakon.

**NHAR: Tapi apa yang saya nampak lah kan macam baru-baru ni ada artis perempuan tu dia sebagai model, sebagai *influencer* [pemberi pengaruh] ataupun orang yang ternama lah dekat IG lepastu baru lah dia-- diberi tawaran berlakon. Macam tu.**

SBA: Akan merosakkan kesenian itu sendiri.

**NHAR: Haah.**

SBA: Berapa ramai kawan-kawan *director* [pengarah] saya sekarang dah taknak tak berminat lagi nak mengarah. Dorang lari pergi *overseas* [luar negara]. Pergi cari kerja dekat *overseas* [luar negara] dekat UK ke dekat Australia ke mana-mana yang dah tukar bidang buat bidang lain masuk bidang lain. Sebab dorang taknak hadap benda-- macam ni. Sebab diaorang nak\_\_.

**NHAR: Saya nampak jugak ni dijadikan isu jugak dekat Twitter haritu.**

SBA: Sebab dorang nak buat satu-satu projek tu dorang nak direct [secara terus] kemudian diberi syarat untuk ambik orang-orang yang popular tapi takde bakat tapi dorang popular. *So* [jadi] dorang *director* [pengarah] yang betul-betul faham dengan kraf dia. bila dia betul-betul faham dengan kraf dia, dia taknak ambik ni sebab dia tahu ni akan merosakkan cerita dia.

**NHAR: Haah kualiti lakonan tu kan.**

SBA: Haah. *So* [jadi] *you* [kamu] ambik orang popular tapi dia tak boleh berlakon dia tak-- boleh sempurnakan tugas dia dengan baik *so* [jadi] produk dia akan jadi buruk. *So* [jadi] produk tu akan jadi buruk, walaupun dia popular macam mana pun..

**NHAR: Takkan jadi.**

SBA: Saya jadi buruk bukan sebab saya tapi sebab orang lain. Yang tak menjalankan tugas dia dengan betul (sambil tersenyum pahit). *So* [jadi] itu yang buat dorang kecewa, dorang lari. Kan fikir taknak buat lagi benda ni sebab taknak merosakkan kraf dia, kesenian dia.

**NHAR: Ohh maknanya pilihan artist tu bukan terletak dekat tangan pengarah lah?**

SBA: Tak, bukan. Kalau filem *producer* [penerbit], kalau filem *producer* [penerbit] yang akan menentukan siapa berlakon. Kalau *TV* stesen.

**NHAR: Ohh macam gitu. Baru saya tahu. Saya ingatkan pengarah yang tetapkan.**

SBA: Dia yang letak syarat ni TV. Filem takde. Filem takde letak syarat-syarat. Filem dia lebih kepada individu *producer* [penerbit] itu *company* [syarikat] dia syarikat dia. ada setengah *producer* [penerbit] ada setengah producer filem ni dia nak buat filem so dia taknak benda-benda macam tu.

**NHAR: Main-main lah?**

SBA: Merosakkan filem dia dan produk dia sebab bila kita *director* [pengarah] ni kita bekerja.

**NHAR: Haah.**

SBA: Itu bila dah siap filem tu bukan milik *director* [pengarah]. Filem itu jadi hak milik penerbit haa *producer* [penerbit]. So [jadi] tu barang dia, itu produk dia. Dia yang akan jual.

**NHAR: Haah.**

SBA: Nak buat *marketing* [pasaran] ke apa untuk jual produk dia. Kita ni sebagai *director* [pengarah] dan pelakon ni buat produk untuk *producer* [penerbit].

**NHAR: Jalankan lah.**

SBA: Ada sesetengah *producer* [penerbit] dia nak memang nak buat filem. So [jadi] dia nak buat produk filem yang betul filem. Dia bukannya nak buat benda yang apa buat benda yang menipu orang buat filem ni asalkan guna orang-



orang *famous* [terkenal] letak dekat situ haa (sambil tersenyum). Stesen TV pun bukan semua yang letak syarat ni.

**NHAR: Ada je yang tak kisah kan.**

SBA: Haa ada je tak kisah. Ada je stesen TV yang okey.

**NASM: Betul--. Bakat tu lagi penting lah kan daripada populariti bukan.**

SBA: Ya. Betul. Itu yang saya cakap tadi bahawa untuk jadi popular itu kena ada bakat dulu. Baru sebab *you* [kamu] ada bakat\_\_ (gangguan rangkaian internet).

**NHAR: Baru lah nampak keistimewaan kita kan?**

SBA: Bagus. Baru lah *you* [kamu] popular bukannya sebab *you* [kamu] popular sebab *you* [kamu] buat Tiktok ke ataupun *you* [kamu] buat benda-benda mengarut dekat *social media* [media social] orang suka tengok. *You know* [kamu tahu] suka tengok dengan *you* [kamu] punya awak punya Tiktok tu, awak punya bukan-bukan ataupun awak buat benda-benda yang apa dipanggil kontroversi. Buat kontroversi banyak-banyak lah supaya orang *follow* [mengikut] dia lagi ramai. Tapi bakat takde. *So* [jadi] nak cari populariti ni tak susah. Maknanya\_\_.

**NHAR: Bakat tu nak kekal kan bakat tu yang susah. Nak cari populariti ni buat lah benda-benda yang sensasi sikit jadi sensasi dekat media sosial ramai lah orang yang akan *follow* [mengikut].**

**NHAR: Betul.**

SBA: Jadi dia banyak lebih buruk. Perempuan lah contoh, seorang perempuan dia nak berlakon tapi *follower* [pengikut] kena ramai. So [jadi] dia nak *gain* [raih] follower jadi dia buat lah benda-benda yang seksi-seksi ke yang dedah—sana-sini ke. Orang suka lah nak tengok. Orang *follow* [ikuti] lah.

**NHAR: Macam-- jalan pintas lah. Kan?**

SBA: Sebenarnya dia membunuh industri lah kalau takde bakat kalau popular semata. Haa tapi kalau dia datang dengan pakej takpe. Dia boleh berlakon dan dia juga popular dan dia pulak memang bagus ada bakat *is okey* [jadi okey]. Kan kita takde kita takde isu yang sekrang ni apabila tiada bakat. Popular semata-mata. Haa itu yang kita yang kita tolak.

**NHAR: Saya-- sebenarnya ada nampak satu-- orang ni lah berpotensi tapi saya akan cakap pada hujung-- *interview* [temubual] ni nanti eh.**

**NASM: Okey bang lepastu nak tanya lah dekat abang kan, selain lakonan ni bagi abang macam jiwa lah kan, abang ni wujud lah kan, apa sebenarnya keunikan bidang lakonan ni pada abang?**

SBA: Keunikan. Hm (berfikir). Sebab saya nak cakap keunikan tu macam mana nak cakap sebab saya tu yang kene cerita sejarah dia jugak sebab saya bukan saya awal-awal dulu \_ \_ \_ (gangguan rangkaian internet) jadi pelakon. Tapi selepas saya masuk ASK tu saya sedar saya tak boleh berlakon.

**NHAR: Oh masih belum ada bakat lah?**

SBA: Tak-- takde bakat dalam bidang lakonan. Saya tak berbakat dalam lakonan. So [jadi] saya lebih-- kuat. Pensyarah-pensyarah saya pun lebih banyak mendorong saya untuk tumpukan kepada pengarah dan penulisan. So [jadi] saya tulis skrip, saya mengarah teater, menulis skrip teater, saya mengarah teater, sebab dorang melihat itu kekuatan saya. Bila saya berlakon je, lakonan saya keras, kaku. Macam kayu sikit lah. Orang kata lakonan kayu. Dia tidak dapat nak menjiwai watak itu. Dan saya tak dapat menghidupkan watak itu di atas pentas bila saya berlakon hingga kan saya buat keputusan untuk *stop* [berhenti] berlakon. Saya *stop* [berhenti]. Saya dah--- *stop* [berhenti] dan saya takde lagi berangan-angan ataupun bercita-cita nak jadi pelakon. Saya cuma letakkan\_ \_ \_ (gangguan rangkaian internet) tulis skrip teater. Saya buat lah benda tu lama. Saya buat mengarah, saya tak berlakon saya mengarah---- sampai lah tahun 2001---- ke 2003 ah, haa macam tu lah 2001, 2003 haa 2001 lah okey 2001. So [jadi] saya buat waktu itu saya dah rasa *confident* [yakin] untuk berlakon sebab bila mengarah-- pelakon, kita-- mengarah.

**NHAR: Kena ada bakat.**

SBA: Kita sebagai pengarah, kita belajar jadi pelakon. Okey dengan melihat cara diaorang bekerja.

**NHAR: Pada umur berapa tu abang Namron.**

SBA: Saya-- betul-betul dapat keyakinan balik untuk berlakon tu waktu umur saya tiga puluh dua [32] kot, tiga puluh dua [32], tiga puluh tiga [33] kot.

**NHAR: Ambik tempoh yang lama jugak kan untuk ni.**

SBA: Tiga puluh tiga [33] tahun macam tu\_\_ (gangguan rangkaian internet). Yakin saya boleh buat waktu itu, *so* [jadi] saya buat *experiment* [kajian]. Saya tulis skrip, saya arah dan saya berlakon. Monolog. Saya bermonolog.

**NHAR: Ohh *so* [jadi] buat sendiri-sendiri.**

SBA: Sendiri. *So* saya sendiri yang mengarah, saya sendiri yang tulis dan saya sendiri yang berlakon. Sebagai solo *performance* [persembahan] lah. Itu sebagai satu [1] *experiment* [kajian] pada diri saya untuk-- pastikan saya dah boleh berlakon ke belum. Apakah teori-- saya yang sebelum itu kita kata ohh nak jadi pelakon harus begini---- kita kene buat ini kene ini--- apa semua tu (sambil buat gaya) okey itu dah ada secara teorinya, ini dah ada secara praktikal nya. Haa *so* [jadi] saya buat buat ini sebagai *experiment* [kajian] haa selepas saya berlakon itu barulah saya yakin saya boleh berlakon (sambil tersenyum manis).

**NHAR: Haah saya nampak lah jugak perjalan usaha tu nampak macam memberi kesan terhadap lakonan zaman sekarang kan?**

SBA: Tapi-- dia bukan nya satu benda yang saya buat satu yang satu usaha keras untuk saya jadi pelakon.

**NHAR: Tak?**

SBA: Waktu itu. Saya mengarah orang, saya dikenali lah waktu itu. Saya dikenali sebagai pengarah teater. Saya dah dikenali sebagai penulis teater so [jadi] orang dah orang dah menggelar sebagai pengarah muda. *Young director* [pengarah muda]. So [jadi] saya *title* [gelaran] pengarah muda waktu itu. So [jadi] saya tak ada pun saya cuma nak kuat kan lagi kerja pengarah saya je. Saya takde pun “*Ohh aku nak kene berlakon jugak, aku nak kene berlakon jugak*”. Takde. Saya buat tu pun *experiment* [kajian] untuk membuktikan teori yang saya buat sendiri. Bila kita ada teori, kita mesti ada praktikalnya. Kita mesti nak tengok teori kita ni *work* [berjalan] atau tak.

**NHAR: Haah.**

SBA: Sebab kita dah *design* [reka] satu kaedah satu *method* [kaedah] untuk berlakon, *you know* [kamu tahu]. Kita perlu ada apa untuk jadi pelakon ni. Bagaimana untuk kita hidupan watak ini apa semua. Itu teori, praktikalnya kita kena buat. So itu lebih kepada lebih kepada bukan nak kejar tapi lebih untuk membuktikan kepada diri saya yang “*Aku ni boleh berlakon*”.

**NHAR: Haa dia macam kepuasan diri sendiri lah kan. Bukan untuk orang lain, untuk diri sendiri. Betul tak?**

SBA: Semua orang kata “*Kau tak boleh berlakon*”, semua orang kata *kau tak boleh berlakon*, so [jadi] saya kene cari teknik saya sendiri untuk apa teknik yang diajar di sekolah saya tak boleh tak boleh *apply* [gunakan] teknik-- diajar saya cuba belajar saya guna teknik itu “*Doesn't work for me*” [tak berhasil untuk saya]. “*So I need to create my own technic*” [jadi saya kene cipta teknik saya sendiri].

**NHAR: So [jadi] maksudnya teknik apa tu teori tu untuk kepuasan diri sendiri lah.**

SBA: Haa untuk membuktikan diri saya yang mengatakan *okey sebenarnya aku boleh berlakon*. Tapi lepas tu saya tak terus berlakon, saya buat sat utu lepas tu saya kembali untuk *direct* [mengarah], menulis apa semua. Saya tak ni pun. Kalau berlakon pun 2003 Paluh, filem Paluh tu lakonan saya yang pertama saya dekat skrin. Pada umur waktu tu umur—tiga puluh haa tiga puluh tiga. Waktu tu tiga puluh tiga, sebelum tu saya buat tu umur saya tiga puluh dua [32]. Haa tiga puluh dua [32]. Lepas tu pun takde, saya teruskan karier saya balik kepada *directing* [mengarah] saya masih balik ke teater, saya buat teater lah apa semua lah dalam tempoh sepuluh [10] tahun gitu saya hanya buat tiga [3] filem je macam tu. Tiga [3] filem je yang dipanggil, ‘Wubra’, apa tu ‘Dukun’, ‘Paluh’, ‘Wubra’, ‘Dukun’. Dukun yang baru keluar maknanya dah *shoot* [rakam] dulu lagi (sambil tersengih).

**NHAR: Oh maknanya tempoh lama lah? Nak hasilkan filem tu?**

SBA: Haa dan betul-betul saya masuk dalam dunia lakonan ni apabila saya berhenti mengajar. Sebab apabila saya dah habis ASK, kemudian saya dipanggil masuk balik semula ke ASK, ke ASWARA, untuk jadi tenaga pengajar. Saya dah habis belajar, saya aktif lagi untuk buat teater, lepas tu dipanggil masuk ASK untuk jadi *tutor* [pengajar]. 5 tahun jadi *tutor* [pengajar] kemudian lepas 5 tahun jadi *tutor* [pengajar], saya jadi dinaikkan jadi pensyarah. Sampai 2010. Masatu lah saya full time [sepenuh masa] berlakon. *So* [jadi] maknanya nak kata saya ni orang lama dalam dunia lakonan sebenarnya saya baru.

**NHAR: Baru lagi.**

SBA: Baru 10 tahun maknanya, 2010 sekarang 2021 baru sebelas [11] tahun saya betul-- *full time* [sepenuh masa] sebagai pelakon sebab dulu saya lecturer [pensyarah].

**NHAR: So maksudnya dalma industri seni ni abang Namron lebih dikenali sebagai penulis skrip lah kan? Penulis skrip dan pengarah.**

SBA: Kalau sekarang-- saya lebih dikenali sebagai pelakon lah, dan jugak pengarah filem. Pelakon dan pengarah filem. Tapi kalau awak tanya 10 tahun lepas, saya lebih dikenali sebagai pengarah teater, pelakon, penulis dan pengarah teater. Pelakon takde lah, pelakon tak-- termasuk sorry [maaf]. Saya lebih dikenali sebagai pengarah dan penulis skrip teater. Itu-- nama saya sebagai pengarah teater dah--- kata apa ah dah masuk dalam senarai apa young *director* [pengarah muda] pengarah\_\_\_ (gangguan rangkaian) internet). Skim ni lah skim tu lah dapat pergi *Japan* [Jepun] lah *Singapore* lah *travel the world* [melancong seluruh dunia] kan dengan teater sebelum saya masuk filem. So [jadi] saya masuk filem ni sebab saya dah popular dekat teater. Maknanya saya dah dikenali dalam dunia teater. Saya dah dikenali baru lah saya dapat pelawaan masuk dalam filem, baru lah dipanggil.

**NHAR: Dapat tawaran lah. Athifah nak tanya apa?**

**NASM: Nak tanya lah kan, dekat abang kan, sebenarnya berlakon ni dia punya cabang tu jenis watak ada berapa sebenarnya? Baik dengan jahat je kea tau sebenarnya ada lebih?**

SBA: Ni secara *general* [umum] ke?

**NASM: Hm boleh je. General boleh, spesifik boleh.**

SBA: Kalau secara *general* [umum] saya rasa berlakon, pelakon-- ni dia ada banyak kategori, dia ada hero tak sama jugak dengan watak utama. Watak utam tak semestinya hero.

**NHAR: Ohh macam tu.**

SBA: Sebab hero ni adalah satu-- watak-- utama yang jadi hero ini adalah dia mesti memenuhi kriteria hero. Apa itu kriteria hero? Dia adalah senarai dia kan (sambil menunjukkan gaya). Dia semua penuh dengan positif lah. Semua yang baik *you know* [kamu tahu]. Seorang yang baik, seorang yang ini, seorang itu. Ini---- itu menunjukkan dia hero. Hero ni dia macam—superhero ni dia macam ada kuasa sakti pulak lah. Ada *power* [kuasa] kita tengok ada superhero-- kita panggil. Hero ni dia tak buat jahat langsung.

**NHAR: Haah.**

SBA: Watak dia memang putih.

**NHAR: Baik-baik je. Positif je.**

SBA: Memang putih. *White character* [watak putih] kita panggil. Watak putih. *So* [jadi] kalau kita kata ni pulak watak jahat pulak watak jahat dipanggil antagonis. Kalau kita ambik konsep hero dan heroin, hero dengan jahat ni pulak, dia akan jadi jahat ni *totally* [secara keseluruhan] *black* [hitam]. Takde baik langsung haa ni beza dengan watak utama, watak utama kalau cerita tu, pasal watak orang jahat kita tak panggil dia hero, sebab dia watak utama, dia *lead* [ketua], dia *story* [cerita]. Dia memang cerita pasal dia. Contoh kita tengok-- pasal pengedar dadah cerita siapa yang mengedar dadah yang ni



Eskobar. Dia watak utama dalam filem eskobar tu dia watak utama. Tapi dia adalah pengedar dadah, pembunuh, apa semua. Memang jahat orang nya. Tak ada benda baik dia buat. Tapi dalam filem itu dia watak utama.

**NHAR: Sebab cerita pasal dia kan.**

SBA: Haa cerita pasal dia.

**NHAR: Cerita pasal kehidupan dia. Orang jahat tapi watak utama. Faham. Saya baru faham.**

SBA: Hero ni dia ada\_\_ (gangguan rangkaian internet)

**NHAR: Baik je.**

SBA: Kan yang kita nampak. Tapi ada jugak elemen-- lain dia tetap kan. Hero ni kena *handsome* [kacak], kena---- bijak, kena *you know* [kamu tahu] haa *so* [jadi] *handsome* [kacak] itu memang dimasukkan dalam kategori hero. Kalau nak jadi hero kena *handsome* [kacak]. Tapi kalau watak utama dia tak perlu *handsome* [kacak].

**NHAR: Yang penting dia ada watak yang menghidupkan cerita tu kan?**

SBA: Hero ni jugak mesti muda selain daripada elemen-- lain. Hero ni mesti muda. Orang muda kalau dalam bangsawan diaorang panggil orang muda *so* [jadi]

dia kena muda. Orang muda, dia tak boleh orang tua jadi hero. Kalau orang tua jadi hero, dia bukan hero, dia watak utama.

**NHAR: Hm okey saya faham.**

SBA: Faham eh? *So* [jadi] macam saya, saya takde jadi hero dalam filem-- tapi saya banyak watak-- utama dalam filem. Watak utama ni pulak dia pecah kepada dua (tunjukkan dua jari). Antogonis dan protogonis. Tak semestinya\_ \_ (gangguan rangkaian internet). Ataupun hero dia. Watak utama jugak dia panggil watak utama jugak untuk antogonis. Iaitu watak-watak yang berlawanan dengan watak baik tadi. *So* [jadi] itu baru pecah bab watak utama, belum lagi masuk bab *supporting* [sampingan], main *supporting*-- [sampingan utama] ni watak pembantu utama.

**NHAR: Saya nampak juga anugerah tu banyak jugak kan.**

SBA: *So* [jadi] banyak senari ikut watak dan lagi satu kalau kita tengok ini the *only* [satu-satunya] maknanya satu-satunya pekerjaan--- dekat dunia ini yang cover keseluruhan umur.

**NHAR: Ohh haa beetul. Daripada *baby* [bayi] sampai ke orang tua. Betul-betul. Semua ada watak dia. ada pekerjaan lah.**

SBA: Kalau cerita tu perlukan, sampai ke haiwan\_ \_ (gangguan rangkaian internet).

**NHAR: Haa betul-betul saya setuju (sambil mengaggukkan kepala).**

SBA: Dia sangat besar *means* [maksudnya] dia sangat besar. Kalau you [kamu] kerja cikgu pun diaa ada umur-umur kan. Budak mana boleh jadi cikgu kan?

**NHAR: Betul.**

SBA: Polis pun tak boleh budak, tak boleh orang tua kene pencen yang tua sangat tapi dalam-- filem semua-- *baby* [bayi] sampai orang tua.

**NHAR: Betul. Saya setuju.**

**NASM: Okey seterusnya Dayah pulak tanya tentang perbezaan eh?**

**NHAR: Haah okey. Saya nak tanya lah kan dekat abang Namron kan ada perbezaan tak pelakon dulu dengan pelakon sekarang? Maksudnya kualiti ke kualiti untuk dia masuk dalam industri seni ni.**

SBA: Ada lah sebab tadi kan kita dah bincang masalah media sosial, *follower* [pengikut] apa semua. Kalau tengok dari kontak tu ada lah. Kalau dulu *you* [awak] nak berlakon tu *you* [kamu] kene betul-betul ada bakat, betul-betul *director* [pengarah] panggil you, percaya dengan you [kamu] untuk dapat watak tu.

**NHAR: Maksudnya susah lah? Sukar lah nak masuk industri seni pada zaman dulu kan?**

wang Malaysia] je kan sebungkus. Kalau kita tengok zaman-- P.Ramlee dulu memang tak banyak. Kita tengok gaji diaorang satu apa satu filem dapat lah berapa ratus, lapan ratus [mata wang Malaysia] ke. Paling tinggi mungkin seribu. Seribu tu dah besar dah kalau zaman P.Ramlee tu satu filem dapat seribu tu kira dah besar. Ya lah *you* [kamu] tengok nak beli kereta pun dulu harga kereta baru berapa, baru macam 2 ribu [mata wang Malaysia] kan.

**NHAR:** Haah. Kalau tak ke-- keberatan boleh taka bang Namron bagitahu kongsikan lah berapa *range* [kadar] harga bayaran untuk pelakon. Maksudnya\_\_

SBA: Tak tentu dia-- tak tentu.

**NHAR:** Sampai ratus ribu tak? Ada sampai ratus ribu?

SBA: Dia takde spesifik. Dan benda ini kita pun tak tahu sebab kita tak pernah okey pelakon ni berapa bayaran dia untuk watak ini berapa bayaran dia untuk watak ni. Takde.

**NHAR:** Dia ikut watak eh?

SBA: Dia ikut *deal* [persetujuan]. Dia dalam berlakon ni kita dengan *producer*-- [penerbit] dapat *offer* [tawaran] kita *throw* [campak] berapa harga kita mintak. So [kalau] *producer* [penerbit] tak *agree* [setuju] dengan harga tu dia mintak turun.

**NHAR:** Ohh kita yang tetapkan harga lah sebagai artist tu, macam tu?

mungkin bayaran tu dapat lebih lagi. So tak sama. Jadi nak cakap spesifik takada. Tak ada lah takde---

**NHAR: Harga yang spesifik. Haa okey faham. Okey.**

SBA: Tapi kalau tapi kalau saya cakap perbandingan dulu dengan sekarang tu maknanya\_\_ (gangguan rangkaian internet) jugak maknanya zaman dulu tu ini-- sebab dia berkaitan dengan kos. Kos *production* [terbitan] kita tak pernah berubah daripada tahun berapa haa lapan puluh [1980] an dan sembilan puluh [1990] an dulu sampai sekarang bayaran *mystification* [ibu pejabat] keluarkan duit bagi kepada *production house* [rumah produksi] tu tak berubah.

**NHAR: Oh, maknanya sama je.**

SBA: Sama je. So [Jadi], kalau *compare* [banding] begitu artis dulu macam Eman Manan [Abdul Manan bin Embong, pelakon Malaysia] ke apa.

**NHAR: Lagi banyak lah kan.**

SBA: Lagi banyak daripada sekarang. Kalau TV-- (sambil menunjukkan satu jari) , ni cakap pasal TV (sambil menunjukkan satu jari). Kalau filem lain cakap pasal TV. Kalau macam dulu, Eman Manan itu zaman dia *tengah top* [atas] dulu. Dia berlakon satu apa [SCI, TV] untuk telemovie. Dia boleh dapat dalam 15 ribu [mata wang Malaysia]--begitu eh. Sekarang haaa (berfikir) kalau watak utama macam tu dia akan dapat 10 ribu [mata wang Malaysia] je ----.

**NHAR: Sebab kos nak-- kos dia berbeza lagi mahal.**

SBA: Haah, berbeza.

**NHAR: Tapi bayaran sama macam tu kan.**

SBA: Tapi bayaran tu dari \_\_ sama, *so* [jadi] diorang kena tu \_ (gangguan rangkain Internet) yang apa tu yang kita kata yang ramai *followers* [pengikut] ni yang ada *instafamous* [Instagram terkenal] ni diorang ni tau diorang ni banyak *followers* [pengikut] dan TV nak diorang, *so* [jadi] diorang letak harga tinggi. Ada yang letak 20 ribu [mata wang Malaysia] \_\_, jadi yang bagi yang terkena kesan adalah kepada *producer* [penerbit]. *Producer* akan *cut* [potong] bayaran krew, bayaran pelakon-pelakon lain--.

**NHAR: Sebab dia nak--.**

SBA: Bayaran pelakon-pelakon lain--.

**NHAR: Hm, susah jugak eh. Okey seterusnya, saya akan teruskan dengan filem lah kan. Boleh tak abang Namron ceritakan lah apa cam [SCI, adakah] macam adakah \_ filem zaman dahulu lagi berkualiti berbanding zaman sekarang? Maksudnya, adakah filem zaman dahulu lebih mendalam maksudnya berbanding filem terkini?**

SBA: Hm (berfikir), teknologi berkembang mengikut zaman-- kalau kita cakap pada zaman itu bagus kalau kita *compare* [bandingkan] dengan sekarang dengan teknologi sekarang. *Of course* [Sudah tentu] yang bagus dulu (gangguan rangkain Internet) dari segi kita tengok dari segi *acting* [lakonan] pun saya rasa zaman dulu (menoleh ke kanan dan membetulkan cermin mata) kalau kita cakap lapan puluh [1980] an sebelum saya masuk lagi dalam bidang inilah (membuat isyarat tangan). Kita tengok diorang ada satu [1] *style acting* [gaya lakonan] yang berbeza, tak sama (sambil

menggelengkan kepala) macam sekarang (sambil gelengkan kepala). Sekarang ni kita bercakap soal bukan pasal *instafamous* [Instagram terkenal] jadi pelakon. Tak, kita cakap tentang the *real actor* [pelakon sebenar], pelakon betul-betul pelakon. Yang bukannya dia takde bakat tapi dia berlakon, itu tolak ketepi (sambil membuat isyarat tangan). Kita ambil perbandingan yang sama (sambil membuat isyarat tangan) \_\_ \_\_ pelakon yang betul-- pelakon zaman tu dan pelakon sekarang zaman ni (sambil membuat isyarat tangan). Dia punya ni tak sama-- dari segi kalau kita tengok P.Ramlee [Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, penyanyi, pelakon, pengarah, pemuzik dan penulis lagu Malaysia] punya tu. Kita tengok cara diorang dialog tak sama dengan pelakon sekarang berdialog (sambil membuat isyarat tangan). Tahun lapan puluh [1980] an dulu Eman Manan berdialog, Rahim Razali [Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Mohd Razali, pelakon Malaysia] berdialog, Ahmad Yatim [Md Yatim Talib, pelakon Malaysia] berdialog, tak sama seperti pelakon sekarang ini berdialog eh sebab bahasa tu dah-- jadi lain (sambil membuat isyarat tangan). Kalau awak tanya saya *personally* [secara peribadi] (menggaru pipi kiri) (gangguan rangkain Internet), saya rasa lebih *real* [sebenar], diorang lebih *real*. Kenapa? kerana diorang yang mana saya tengok ni yang kebanyakan yang betul-- yang-- belajar lah yang--- ada *trained actor* [pelakon terlatih] yang kita kata *trained actor*, yang di *train* [latih], sebab diorang dah mula di *train*, *so* [jadi] diorang dah ada kaedah, diorang dah ada satu [1] kaedah untuk nak bawa watak tu (menggaru pipi kiri). Dan kalau kita tengok pelakon- - yang baik sekarang ni, saya rasa lebih *real* lakonan dia sebab kalau kita tengok aktris masih lagi, ni kita cakap tentang lakonan betul-- \_\_ banyak dik. Dia tak ada satu [1] je pelakon macam tu tak ada. Tahun lapan puluh [1980] an diorang lebih *stylized-- acting* [lakonan bergaya], dialog dia kena ada-- berlagu-lagu sikit (sambil membuat isyarat tangan) “*Kau pergi kemana sudah lama aku mencarimu, tapi kau tidak pernah muncul ke sini*”. Kan.

**NHAR: Dia lebih berbunga-bunga lah kan.**

SBA: Haah, *so* [Jadi] bila kita dengar tak adalah orang bercakap macam ini. Tapi kita tengok macam sedap kita layan (sambil membuat isyarat tangan). Kita ralit je dengar dia bercakap, macam sedap je (gangguan rangkain Internet) \_\_ \_\_ dia (menggaru

telinga kanan) *stylized acting* [lakonan bergaya] kan. Pelakon-- yang sekarang ini yang kebanyakan yang *trained actor* [pelakon terlatih] ni, yang masuk UITM [Universiti] ke, masuk ASWARA ke, apa semua, diorang diajar teknik-teknik lakonan ni. Diorang dah keluar berlakon yang lebih *real* [sebenar] sifat dia (sambil membuat isyarat tangan). Bila diorang berlakon tu, kita tak dapat rasa macam diorang berlakon, macam rasa macam-- tak berlakon pun, macam *real character* [watak sebenar] dia (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Rasa macam tengok--. Betul-betul.**

SBA: Haah, *so* [jadi] kalau awak tanya saya sebab saya seorang yang realistik, seorang yang-- minat dengan realism, *so* saya suka dengan *acting* [lakonan]-- yang sekarang ni tapi bukan pelakon-pelakon yang tak ada bakat (menggaru hidung) maknanya yang betul-betul berbakat (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Betul.**

SBA: Macam kita tengok Bront Palarae [Nasrul Suhaimin bin Saifuddin, pelakon Malaysia] berlakon ke, Zahiril [Muhammad Zahiril Adzim bin Mohd Mokhtar Adzim, pelakon Malaysia] berlakon ke (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Beto [Dato' Nur Kusyairy Zakuan bin Osman, pelakon Malaysia]--.**

SBA: Beto Kushairi berlakon ke, kita dapat rasa macam dia dapat menghidupkan watak. Kalau dulu banyak melo-- drama [SCI, melodrama], nak bagi orang sedih, *so* [jadi] tarik-- kan sikit suaranya "*Kenapa lah kau buat aku begini*" (sedih). *So* kita dengar pun nak tarik perasan kita. Sekarang lebih *real* [sebenar] sifat dia.



**NHAR: Macam realiti kehidupan lah kan.**

SBA: \_\_\_ pada zaman itu, ketika itu bagus (sambil mengangkat tangan kanan tinggi) lakonan diorang. Ketika itu, tapi zaman kan berubah (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Hm, betul.**

SBA: Teknologi dah berubah (sambil membuat isyarat tangan). Kalau dulu berlakon (menggaru hidung) *shoot* [untuk membuat filem] pakai filem, sekarang *shoot* [untuk membuat filem] pakai digital eh [SCI, pakai video digital] pakai kad je, tak ada dah \_ pun takde dia pakai kad je sekarang [SCI, memori kad] je. Rekod masuk memori, dulu filem-- 'cheet' (memusingkan tangan dalam putaran). Berlakon dulu pun, kalau *you* [kamu] berlakon dulu sebelum ada video, apa pun tak kira lah berlakon TV ke filem, semua *shoot* [untuk membuat filem] pakai filem (sambil membuat isyarat tangan). Bila pakai filem setiap satu [1] *roll* [gulungan] (memusingkan tangan dalam putaran) tu dia ada dalam bape minit je.

**NHAR: Oh, dia kena buat banyak *shoot* [untuk membuat filem] lah? (sambil membuat isyarat tangan).**

SBA: (sambil membuat isyarat tangan) Tak---, bukan begitu. Maknanya dia dalam satu [1] *roll* [gulungan] tu dia akan-- kita katakan saya tak ingat bape-- minit, tiga [3] minit ke lima [5] minit macam tu (membuat isyarat tangan berputar). *So* [Jadi] bila kita berlakon dekat situ tu, kita tau yang waktu itu, kalau kita berlakon. Kita rasa benda yang macam dan *director* [pengarah] pun tak boleh amik banyak sebab banyak *take* [ambil].

**NHAR: Oh, maksudnya sekejap--- jela dia punya *take*-- tu kan? (sambil membuat isyarat tangan)**

SBA: (sambil membuat isyarat tangan) Tak jugak sebab filem tu bila dah *exposed* [terdedah] tak boleh lagi guna. Contoh, dulu kalau awak berlakon tiba awak lupa dialog ke, awak ni ke [SCI, *blocking* [menyekat] ] awak tak kena ke, awak punya *position* [kedudukan] tubuh awak tak kena ke. Kena amik *one more take* [satu lagi ambil] (sambil menunjukkan satu jari), kena tukar filem lain masuk kat situ.

**NHAR: Oh, banyak--- guna benda tulah zaman sekarang kan takde kan (sambil membuat isyarat tangan).**

SBA: Filem tu mahal, satu [1] gulung filem tu harga beratus (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Oh.**

SBA: *So* [Jadi] bila benda tu tak-- jadi (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Rugi lah (sambil meletakkan ibu jari di mulut).**

SBA: Beratus itu buang masuk tong sampah lah (sambil membuat isyarat tangan), takleh pakai (menggaru bahu kiri). *So* [Jadi] cara bekerja pun tak sama, sekarang ni digital. Buat lah, ulang lah sampai bape kali pun nak buat, sampai dia jadi macam betul-betul (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: (sambil membuat isyarat tangan) Takde kos lah \_ kiranya takde banyak kos lah kan (sambil meletakkan jari ibu di mulut).**

SBA: Takde kos sebab pakai kad. Tak jadi boleh *delete* [padam], boleh---

**NHAR: Buat lagi.**

SBA: Buat lagi atas tu.

**NHAR: Betul-betul (sambil meletakkan jari ibu di mulut).**

SBA: Bukannya kita buang kad tu, takde kad tu boleh ulang pakai. Filem tak boleh, *so* [jadi] dulu pun (gangguan rangkain Internet) sebab dia tak boleh untuk-- ni kalau-- amik bukan pelakon, rugi lah *producer* [penerbit].

**NHAR: Hm, betul. Dia memang betul-- berkualiti lah kan (sambil membuat isyarat tangan).**

SBA: Amik sekali *one take* [sekali ambil]-- dah okey, tak boleh sampai dua [2], tiga [3] *take* [ambil] untuk *scene* [tempat kejadian] yang sama (menggaru dahi), sebab pelakon tak boleh *deliver* [menyampaikan]. Dari konteks itu, pelakon dulu bagus bab tu, disiplin itu. Untuk bila diorang masuk set, diorang sangat *prepare* [menyediakan] tak boleh buat silap, tak boleh buat ini apa semua. Kena *make sure* [pastikan] benda ni jadi sebab, kalau tak, benda ni akan *producer* [penerbit] akan marah, sebab kita dah bazir duit dia (sambil membuat isyarat tangan). Video sekarang disiplin tu takde sangat dah, pelakon-pelakon sekarang takde disiplin tu sebab diorang dah tau kalau salah pun boleh gelak-- je (membetulkan topi). "*Hei--- kena buat lagi sekali*". Tapi rugi dari segi masalah pulak, masa ambik masa lama nak siapkan.

**NHAR: Tenaga.**

SBA: *Scene* [tempat kejadian] tu (membetulkan topi) sebab pelakon takleh *deliver* [menyampaikan], *so* [jadi] *still* [masih] pengarah sekarang, *producer* [penerbit] sekarang *still* nak pelakon yang boleh *deliver* sebab rugi dari segi masa (sambil membuat isyarat tangan), rugi duit jugak. Sebab bila dia (gangguan rangkain Internet) masa itu ialah duit. Sebab \_ pun sewa (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Oh, semua sewa takde yang macam pemilik kekal.**

SBA: (sambil membuat isyarat tangan) Haah, *location* [tempat] pun sewa, pelakon-pelakon pun dibayar kalau lebih je hari dah kena bayar lain. Semua orang kena bayar lagi--, *location* [tempat] kena bayar, *equipment* [peralatan] kena bayar, pelakon kena, krew kena bayar.

**NHAR: Betul-betul.**

SBA: *So* [Jadi] diorang tak boleh lebih hari, kalau kata bajet diorang tu *shoot* [untuk membuat filem] tujuh [7] hari kena habis tujuh [7] hari, masuk lapan [8] hari, sembilan [9] hari, lusa dah kena keluar duit dia. *End up* [berakhir] bila dah siap projek tu dia hantar \_ dia tak balik modal pun dia, rugi lagi ada, *so* diorang kena-- jaga bab tu juga. Jadi sekarang cabaran dia itu jugak.

**NHAR: Okey lah, seterusnya saya tanya pasal soalan khusus lah kan. Abang Namron pernah tak kalau terlepas cerita kan, kalau Abang Namron pernah terlibat dengan sesi ujibakat tak? (sambil membuat isyarat tangan)**

SBA: Haaa (diam sejenak dan berfikir) (gangguan rangkain Internet), *casting* [pemilihan pelakon] ada ujibakat takde. Saya tak pernah ikut ujibakat, awal-awal dulu adalah pergi ikut ujibakat tapi saya rasa ujibakat tak sesuai untuk saya.

**NHAR: Oh, bukan-- bidang lakonan lah, bidang lain lah? (sambil membuat isyarat tangan)**

SBA: Tak--- maksud saya (menggaru hidung) ujibakat dalam lakonan lah. Ujibakat dalam lakonan tak sesuai untuk saya sebab kena ingat bila kita pergi ujibakat dia adalah satu [1] proses lain pulak daripada kita berlakon. So [Jadi] bukan semua orang pelakon yang bagus ni, dia bagus jugak untuk diujibakat sebab tu ujibakat kadang-- dia \_ pun dan kena faham jugak ujibakat dengan *casting* [pemilihan pelakon] (sambil membuat isyarat tangan) (batuk). Ujibakat dengan *casting* adalah dua [2] benda berbeza. Ujibakat adalah untuk kita cari bakat.

**NHAR: Oh, jadi kita tak nampak bakat tulah.**

SBA: Haah, selalunya ujibakat ni untuk pelakon baru yang tak [SCI, belum jadi] pelakon. Baru nak jadi pelakon, baru diorang panggil ujibakat.

**NHAR: Macam--.**

SBA: Sebab nak-- tengok dia--.

**NHAR: Macam--.**

SBA: Nak tengok dia berbakat atau tak.

**NHAR: Kalau macam program yang sekarang nilah macam 'Hero Remaja' tu kira ujibakat ke?**

SBA: Itu realiti TV, dia tak dipanggil ujibakat. Ujibakat ni awak dipanggil untuk datang dengan saya akan duduk kat meja ni dengan *producer* [penerbit], dengan *director* [pengarah]. Awak kat depan saya akan suruh awak buat apa-apa. Awak kena buat depan ni untuk saya nilai awak boleh berlakon atau tak.

**NHAR: Hm, faham.**

SBA: *So* [Jadi] kalau saya tengok awak boleh berlakon (sambil menganggukkan kepala). Itu ujibakat (sambil membuat isyarat tangan), *casting* [pemilihan pelakon] lain pulak. Dalam bahasa melayu *casting* adalah pemilihan pelakon, *so* yang datang *casting* semuanya pelakon (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Oh, masa yang mula-mula, kita nak ada projek tu kita akan ada *casting* [pemilihan pelakon].**

SBA: Haah.

**NHAR: Setiap projek akan ada *casting*.**

SBA: Ada *casting* [pemilihan pelakon], sama ada *casting* itu di-lakukan secara terbuka atau tertutup. Bila tertutup dia hanya akan panggil orang-orang tertentu yang dah ada dalam *mind* [fikiran] *director* [pengarah] (sambil menunjukkan kepalanya) nak bekerja dengan pelakon ni--- (sambil mengangkat tangan tinggi). *So* [Jadi] panggil diorang untuk datang *casting*, hanya nak tengok sesuai tak watak itu dengan diorang. Dari segi \_\_, dari segi \_\_\_ (sambil memegang rokok elektronik).

**NHAR: Oh, maksudnya, mula-mula tu senarai artis bukan sorang lah, maksudnya ada lebih daripada sorang lah kan?**

SBA: Itu kalau *open casting* [pemilihan pelakon terbuka].

SBA: Untuk nak-- ni kan apa [SCI, nak]-- kembangkan bakat diorang nak tunjukkan bakat diorang pada-- *producer* [penerbit], pada *director* [pengarah] (sambil menunjukkan isyarat tangan). Sebab bila saya under RAT tu. Bila saya buat *show* bawah nama RAT yang mana *student* [pelajar]-- bekas-bekas-- (gangguan rangkaian Internet). Saya panggil *producer*, saya panggil *director* filem, drama yang mana yang saya kenal yang ada *networking* [hubungan] dengan saya (sambil menunjukkan isyarat tangan) untuk datang *even* [malah] (sambil mengangkat tangan kiri tinggi) 'Bunohan' itu Dain Said [Dain Iskandar Said, pengarah, pelakon, penulis skrip dan penerbit Malaysia] ambik Amerul dan Zahiril Adzhim untuk berlakon 'Bunohan' dalam itu selepas saya panggil Dain Said untuk datang tengok salah satu [1] *show* teater dan Dain Said tengok *show* tu dan jumpa saya dia cakap dia nak pakai Bob [Muhammad Zahiril Adzim bin Mohd Mokhtar Adzim, pelakon Malaysia] dan Amerul untuk berlakon filem 'Bunohan'.

**NHAR: Oh, kiranya-- itu permulaan lah dorang punya ni kan.**

SBA: Haah, sebab saya *plan* [rancang] saya bukak benda tu untuk *student* [pelajar] saya ingat saya cakap tadi sebab banyak *student* saya yang berbakat hilang (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Oh, betul-betul.**

SBA: *So* [Jadi] saya tak nak saya cakap “*Kau jangan balik kampung-- .Kau jangan buat kerja lain, kau duduk dekat sini*”. Saya siap sewa satu [1] rumah “*Kalau korang takde duit nak sewa rumah kau duduk rumah ni, (sambil menunjukkan isyarat tangan) makan minum aku tanggung apa semua*” (menggaru hidung).

**NHAR: Terharu saya sebab apa tu abang Namron macam usaha untuk diorang gunakan bakat diorang sepenuhnya.**

SBA: Sebab saya cikgu diorang dan saya tak nak tengok-- (sambil meletakkan tangan di dada).

**NHAR: Faham, rasa sayang kan.**

SBA: Anak murid yang saya bagi ilmu tu tiba-tiba-- (sambil meletakkan tangan di dada).

**NHAR: Sia--.**

SBA: Haah, diorang-- tak-- *practice* [berlatih] (gangguan rangkain Internet) *\_*, *so* [jadi] dia kata *show* [persembahan] saya tu ada unsur-unsur lucu (menggaru hidung). Waktu tu saya buat pementasan ‘Tanda’. Saya pun memikirkan (sambil memegang dahi) kat mana nya-- lucu nya (ketawa) sebab saya buat cerita tu ambik daripada

hadis nabi tentang akhir zaman. *So* saya ambik kumpulkan beberapa hadis nabi ni yang bercakap soal akhir zaman, tanda-tanda akhir zaman. Jadi, tajuk *show teater* (menggaru kepala) saya tu 'Tanda'. 'Tanda'-- itu-- (sambil menunjukkan satu jari).

**NHAR: 'Tanda'.**

SBA: Merujuk kepada tanda-tanda-- (sambil mengerakkan satu jari).

**NHAR: Akhir zaman.**

SBA: Akhir zaman. Jadi dia ada banyak \_ sebab waktu tu saya dah tak *direct* [mengarah] saya hanya terbitkan, *produce* [menghasilkan] je saya bagi *student* [pelajar] saya sendiri *direct*. *So* [Jadi] dia ada macam banyak-banyak \_ dia macam ada banyak persembahan-persembahan kecil ni yang dicantumkan jadi satu [1] persembahan besar (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Hm, besar.**

SBA: Tapi dia ada segmen-segmen-- dia. Setiap segmen itu membicarakan tentang akhir zaman (sambil menunjukkan isyarat tangan). Jadi saya duk fikir kat mana yang--.

**NHAR: Lucah nya.**

SBA: Yang lucah nya kat situ kan (sambil meletakkan tangan di pipi kanan). *So* [Jadi] di-- saya ingat lagi saya dapat panggilan telefon selepas (gangguan rangkain Internet) pentas, *manager* [pengurus] saya dia cakap "*Abang Namron guard* [pengawal] dah



*kunci auditorium kita tak boleh masuk dalam auditorium”, nak ni kan nak prepare [menyediakan] untuk next show [persembahan seterusnya] lah sebab kita dah dua [2] hari show dan hari tu hari jumaat kita start show [mulakan persembahan] kita (sambil menunjukkan dua jari) hari rabu, khamis okey je. Hari jumaat tu-- (sambil menunjukkan tiga jari)*

**NHAR: Terakhir tu.**

SBA: Hari jumaat tu kita nak datang buat *show* [persembahan] tiba-tiba dah kena tutup dewan kena mangga tak boleh masuk kita kena bawak keluar \_\_\_ kita dari situ (menggarun hidung). *So* [Jadi] macam eh semua dah waktu tu jadi besar lah kecoh benda tu dan pelakon-pelakon saya waktu tu semua dah meradang diorang dah *start* [mula] demo diorang dah *start* mengamuk dekat luar nak cari pegawai tu nak ketuk kepala dia dan pegawai tu pun dah lari-lari nak menyelamatkan diri \_ sampai *call* [menelefon] polis apa semua datang menjerit sebab diorang dah tak puas hati benda tu.

**NHAR: Besar isu tu eh.**

SBA: Haah, \_ besar. Besar isu tu (membetulan kedudukan) lepas tu bila dah--- ni apa semua, *so* [jadi] tak ni jugak saya dah kecewa. Saya betul-betul kecewa kerana dilayan macam tu saya \_ (gangguan rangkaian Internet) \_ haah, itu yang kenapa saya jadi *full time* [sepenuh masa] lah sebab saya berhenti itu bukan sekadar saya berhenti, bukan sebab saya nak-- apa nak--- buat benda nak apa nak- jadi pelakon. Saya bukan berhenti kerja tu sebab nak jadi pelakon sepenuh masa.

**NHAR: Tak.**

SBA: Tapi sebab saya kecewa dengan apa yang berlaku kat situ dan bagaimana \_ sebab bagi saya waktu tu saya buat semua ni untuk *student* [pelajar] ni untuk nak bagi peluang buka peluang kenapa korang nak-- buat benda nak halang benda ni sedangkan benda \_. Tapi dah lama-- (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Benda yang baik.**

SBA: Beberapa tahun kemudian lepas tu baru saya tau perkara sebenarnya yang itu sebenarnya yang lucu yang pegawai itu (menggaru bahu kanan). Pegawai itu pegi cakap dekat Rektor. Rektor yang buat keputusan untuk benda tu dan pegawai itu melaporkan benda yang tak betul pada Rektor, *so* [jadi] bila dia kata *show* [persembahan]-- (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Dia salah tafsirlah kiranya, dia salah tafsir.**

SBA: Dia sebab salah seorang pelakon saya ni (menggaru kepala) adalah sebab *show* [persembahan] 'Tanda' tu saya campur masa tu Beto pun berlakon, Beto berlakon walaupun dia bukan *student* [pelajar] saya. Tapi saya panggil dia untuk berlakon, untuk buat teater (gangguan rangkain Internet) ada-- lah Noris siapa entah nama dia. Ada pelakon-pelakon yang memang dah *established* [ditubuhkan] kat luar tapi diorang tak *relate* [kaitkan] dengan-- ASK (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Teater.**

SBA: Dengan ASWARA. Dia tak *relate* [kaitkan] dengan ASWARA. Tapi diorang pelakon drama lah yang mana yang dah--- jadi pelakon dah. Saya masukkan jugak pelajar-pelajar graduan yang dibawah RAT ni macam Amerul Affendi, Zahiril Adzim apa semua yang ini ni yang bekas-bekas *student* [pelajar] saya-- masukkan jugak. Di samping tu, apa Nad Zainal [Farah Nadia Zainal Abidin, pelakon Malaysia] pun ada

waktu tu, *so* [jadi] lepas tu saya masukkan jugak pelajar-pelajar saya yang masih lagi belajar *so* ada tiga [3] generasi kat situ (sambil menunjukkan sepuluh jari), ada tiga \_ \_ \_ (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Tiga [3] jenis lah bercampur.**

SBA: Ada tiga [3] kan satu [1] pelakon professional, satu [1] lagi graduan (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Pelajar.**

SBA: Yang baru habis belajar, yang baru masuk industri, yang ketiga yang masih lagi belajar (sambil mengira menggunakan tangan kanan). Saya buat itu dan ini untuk diorang (menggaru hidung) tapi bila saya dinilai macam tu. Dia cakap macam tu dan diorang buat \_ sampai saya cakap dengan *wife* [isteri] saya pun. Saya tanya *wife* saya- - nak berhenti lah (gangguan rangkain Internet) \_ “*Berhenti jela bang*” kalau dah sampai *level* [tahap] ni diorang *treat* [layan]-- saya yang sampai macam tu. Dia *advice* [nasihat] kan saya untuk berhenti sebab dia rasa tak payah lah sebab ini satu [1] penghinaan yang sangat teruk yang saya dapat, *so* [jadi] kalau apa-apa pun susah senang (membetulkan rambut) waktu tu takde *plan* [rancang] sebab 24/7 *so* takde perancangan saya berhenti tu saya ingat waktu berhenti tu takde-- apa takde (sambil menunjukkan isyarat tangan). Maksudnya gaji takde sebab saya tak amik lagi gaji saya (menggaru hidung). Saya dah mengajar tiga [3] bulan (sambil menunjukkan tiga jari).

**NHAR: Dia macam--.**

SBA: Sebab saya kontrak bila kontrak setiap bulan saya akan *claim* [tuntutan] jumlah *hours* [jam] yang saya mengajar. Saya akan dapat *payment* [bayaran] saya, gaji saya, *so* [jadi] waktu saya *start* [mula] mengajar tu. Saya dah-- di *offer* [tawaran] sambung

kontrak apa semua tapi saya tak *sign* [menandatangani] lagi (sambil membuat isyarat tangan). Saya tak *sign* lagi kontrak tu kontrak tu masih saya simpan. Saya masih simpan-- kontrak tu. (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Belum buat keputusan lah.**

SBA: Haah, maknanya sa-ya masih tak ada apa pun takde kaitan apa pun saya memang macam tu (sambil menunjukkan isyarat tangan). Sebab setiap kali saya mengajar tu (menggaru hidung) saya tak pernah *claim* [tuntutan] setiap bulan (gangguan rangkain Internet) \_ kenapa saya perlu *sign agreement* [menandatangani perjanjian] ni, perjanjian ni an sbb saya belum lagi nak *claim*. Nanti bila saya nak *claim* baru lah saya hantar surat ni. Selalunya saya memang buat macam tu (mengelengkan kepala) baru lah saya hantar surat kontrak ni dengan slip apa [SCI, *claim*] saya untuk saya *claim* untuk tiga [3] bulan sekali saya dapat. Sebab kan saya cakap selain saya mengajar tu saya ada jugak buat *job* [kerja]-- luar yang berlakon sikit-sikit *you know* [kamu tahu]. *So* [Jadi] duit mengajar ni macam adalah saya tak perlu pun tiap-tiap bulan untuk *claim*. Tapi sebab satu [1] lagi sebab-- saya sibuk nak siapkan teater ni. *So* saya nak bagi selesaikan *show* [persembahan] teater ni baru saya nak *sign* [menandatangani] kontrak, baru saya nak *claim* apa semua (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Betul.**

SBA: Tapi bila jadi macam ni saya terus *stop* [berhenti] saya tak *sign* [menandatangani] lah kontrak tu, *so* [jadi] saya berhenti 24/7 tu. Maknanya saya tak *submit* [hantar] surat kontrak tu, *so* memang bila berhenti tu memang duit takde apa [SCI, gaji takde]. Tiga [3] bulan punya gaji takde memang *start* [mula] dari bawah balik memang agak-- *struggled* [bergelut] lah (sambil menunjukkan isyarat tangan) (gangguan rangkain Internet).

**NHAR: Sukar. Apa jadi--.**

SBA: Pegawai tu pegawai yang-- buat benda tu maknanya selepas apa. Selepas beberapa tahun lepas tu selepas kejadian tu saya dapat tau bahawa yang dimaksudkan lucu itu. Apabila salah seorang pelakon saya dia apa [SCI, *Chinese* [Cina]] (sambil menunjukkan isyarat tangan). Dia pakai baju yang seluar [SCI, baju]-- (sambil menunjukkan ke arah leher).

**NHAR: Seksi.**

SBA: Leher-- besar sikit, leher besar (sambil menunjukkan ke arah leher).

**NHAR: Terbuka.**

SBA: *So* [jadi] teater tu ada pergerakan, ada tunduk--, *so* bila tunduk tu *so* dia--- ada nampak-- benda yang sebenarnya dia sorang je nampak (sambil menunjukkan isyarat tangan). Yang saya kecewa tu adalah kenapa dia tak datang jumpa dengan saya. Saya duduk tu saya tak nampak sebab saya duduk *angle* [sudut] lain (sambil menunjukkan isyarat tangan). Mungkin pelakon saya ni ada buat apa [SCI, pergerakan] berlaku di depan dia. *So* dia tengok \_\_ \_\_ tapi saya tak pelik pun sebab saya tahu pun pegawai ni memang ada masalah dengan saya an sebab dia tak suka dengan cara saya duk mengajar *student* [pelajar] (menggaru hidung) sebab bila saya mengajar *student* saya (gangguan rangkain Internet) \_ diorang macam *student* \_ *lecturer* [pensyarah] (sambil menunjukkan isyarat tangan). *So* tak ada-- sempadan (sambil menyatukan kedua-dua telapak tangan). Saya boleh lepak dengan *student*, *student* boleh lepak dengan saya. Kita boleh sembang apa yang kita nak sembang apa semua dan dia-- tak suka cara saya macam tu sebab dia nak-- (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Kononnya dia profesional lah kan.**

SBA: Haah, dia cakap *lecturer* [pensyarah] tak boleh macam ni. *Lecturer* kena jangan rapat dengan *student* [pelajar], *you know* [kamu tahu] nanti--. Dia nak-- cara birokrat punya *style* [gaya]. Saya lebih-- santai (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Santai.**

SBA: Saya kadang-- buat kelas saya dekat kafe je, kadang-- dekat bawah pokok. So [Jadi] dia tak suka dengan cara pendekatan saya tu, isu dia dan bukan sebab itu pun sebab kalau sebab itu dia boleh je datang kat saya (menggaru hidung) untuk cakap yang “*Namron, tadi waktu show [persembahan] pompuan kau tau dia pakai baju dia besar sangat lah, seksi sangat. Bila dia tunduk macam tu tak nilah nampak benda-benda yang tak elok lah*”. Kita boleh tukar, dia baju je sebab baju itu yang saya kecewa tu (sambil menunjukkan isyarat tangan). So saya berhenti. Itu saya rasa-- (gangguan rangkain Internet).

**NHAR: Habis tu abang Namron apa jadi dengan yang hari terakhir tu? Dia ada sambung ke atau tergantung sampai situ je?**

SBA: *Show* [Persembahan] teater tu?

**NHAR: Haah.**

SBA: *Show* [Persembahan] teater tu kemudian lepas tu kita dapat *offer* [tawaran] daripada satu [1]-- apa [SCI, pemilik teater] *company* [syarikat] yang ada-- auditorium sendiri ah kat PJ [Selangor, Malaysia] waktu tu. Dia panggil PJ Life Art-- ini milik Zahim Albakri [Zahim Albakri Ikmal Hisham Albakri, pelakon dan pengarah filem Malaysia] pelakon dulu ah dia ada. So [Jadi] dia ada buka satu [1] apa dewan teater [SIC, panggung teater] dekat PJ. So dia *offer* kitaorang untuk pakai panggung dia tak

payah bayar. *So* kita buat *show* lagi sekali kat situ. Tapi isu tu besar sebab masuk 'Melodi' lah masuk surat khabar lah (menggaru hidung).

**NHAR: Oh, masuk 'Melodi'.**

SBA: Haah, masuk surat khabar lah (menggaru hidung). Isu yang pasal saya--- berhenti tu.

**NHAR: Okey, selain daripada ni kan. Saya pernah dengar yang abang Namron ada buat kerja lain jugak kan macam buat bisnes eh masa pandemik tu. Betul tak?**

SBA: Tak-- adalah sangat bisnes yang serius. Bisnes ni memang-- dari dulu lagi saya buat jual goreng pisang lah, jual sayur lah, jual air lah apa semua. Bisnes yang saya buat hari tu sebab saya takde buat apa macam adalah buat apa [SCI, bisnes makanan] sikit tapi takde bukannya sebab buat bisnes macam nak-- jadikan satu [1] kerjaya, takde.

**NHAR: Tak, macam saja-- lah.**

SBA: Saja-- macam bosan-- takde buat apa sebab dulu saya pernah-- ada buat (menggaru hidung) saya ada pernah buat pulut kuning buat bisnes pulut kuning. *So* [Jadi] macam waktu PKP tu macam ada permintaan orang dok tanya-- mintak-- saya buat lah walaupun \_\_\_\_. Yang betul-betul saya buat pulut kuning yang agak serius tu masa waktu lepas saya *shoot* [untuk membuat filem] 'One Two Jaga'.

**NHAR: Oh, (bunyi telefon) 'One Two Jaga' okey.**

SBA: Waktu saya *shoot* [untuk membuat filem] 'One Two Jaga' (bunyi telefon) tu sebab 'One Two Jaga' tu *special* [istimewa] projek yang saya buat saya *direct* [mengarah]. So [Jadi] saya tak amik *job* [kerja] hampir setahun-- saya (sambil menunjukkan isyarat tangan) (gangguan rangkain Internet) *special* projek maknanya (menggaru hidung) bukan duit bukan satu [1] pekerjaan yang dibayar-- tapi bayaran yang saya dapat tu tak banyak pun. So tak boleh-- pun saya *sustain* [mengekal] setahun dengan bayaran tu. So saya hanya bila-bila habis je proses *shooting* [untuk membuat filem] apa semua. Sepatutnya lepas tu saya ada tiga [3]-- projek untuk *shoot* [untuk membuat filem], untuk berlakon dalam filem, dua [2] filem dan satu [1] teater. Tapi tiga [3]-- projek tu nak ditakdirkan-- di *cancel* [dibatalkan]. Dua [2] *show* [persembahan] *cancel* [SIC, satu [1] *show* *cancel*], satu [1] filem *cancel*, satu [1] filem *postponed* [ditangguhkan] tahun depannya (sambil membuat isyarat tangan dan memegang rokok elektronik).

**NHAR: *Postponed* [ditangguhkan]. Tak ada apa-- nak buat waktu tu.**

SBA: Saya pulak waktu tu saya kita bila kita pelakon kita dah *lock kita lock---* *gate* [kunci pintu pagar]. So [jadi] bila ada *offer* [tawaran] lain datang kita cakap tak boleh dah (sambil membuat isyarat tangan dan memegang rokok elektronik).

**NHAR: Betul.**

SBA: Sebab kita dah ada komitmen dengan org lain (sambil membuat isyarat tangan dan memegang rokok elektronik).

**NHAR: Betul--.**



SBA: Tapi bila benda tu di *postponed* [ditangguhkan], *so* [jadi] benda tu saya dengan duit dah habis buat-- 'One Two Jaga' (sambil membuat isyarat tangan dan memegang rokok elektronik).

**NHAR: 'One Two Jaga'.**

SBA: *So* saya buat lah apa-- (menggaru hidung).

**NHAR: Pulut kuning.**

SBA: Untuk tempoh tiga [3] bulan (gangguan rangkain Internet) bulan tu dah *start* [mula] balik apa [SCI, *job* [kerja]] baru masuk tak ada dah lah buat benda tu (sambil membuat isyarat tangan dan memegang rokok elektronik).

**NHAR: Sementara jela kan.**

SBA: Haah.

**NASM: Seterusnya lah nak tanya kenangan manis pulak sepanjang abang berada dalam industri seni ni. Boleh kongsi kan?**

SBA: Haaa (Diam sejenak dan berfikir) Haah, kenangan manis saya rasa jumpa isteri saya kot (ketawa). Itu lah kot yang paling besar rasa jumpa isteri saya dan (menggaru hidung)-- apa [SIC, menjadi] isteri saya, menjadi-- apa [SIC, teman saya], menjadi kekasih saya, menjadi isteri saya.

**NHAR: Isteri--.**

SBA: Selepas itu sebab dia saya berjumpa (isteri) dia pun sebab dalam bidang ni jugak sebab dia-- (menggaru hidung).

**NHAR: Penulis skrip eh?**

SBA: Tak---. Dia-- penari.

**NHAR: Oh, penari.**

SBA: Dulu lah, dulu dia penari, sekarang dia pelakon (sambil membuat isyarat tangan).

**NHAR: Oh, pelakon.**

**NASM: Maksudnya tuan jumpa dia dalam bidang lakonan jugak lah?**

**NHAR: Dalam industri seni lah.**

SBA: Tak dalam--.

**NHAR: Industri seni.**

SBA: Akademi.

**NHAR: Akademi.**

SBA: Akademi di akademi seni di ASWARA lah, *so* [jadi] dia junior saya, junior tiga [3] tahun, *so*-- saya include [termasuk] kan jugak lah walaupun tu zaman pembelajaran tapi zaman saya dah masuk dalam bidang seni. *So* Kita belajar pun dalam bidang seni jugak sama-- belajar bidang seni cuma dia amik jurusan lain, saya amik jurusan lain. Tapi kami bertemu atas nama seni lah sebab dua-dua-- minat seni (sambil membuat isyarat tangan).

**NASM: Oh, faham. Seterusnya nak bertanya lah berkenaan perkembangan kerjaya (menggaru kepala) tuan eh [SCI, kerjaya abang] sekarang eh. Boleh ke ceritakan sedikit tentang filem baru eh yang nak diterbitkan?**

SBA: Filem baru sekarang haaa (berfikir), tak lah baru sangat yang saya mengarah selepas 'One Two Jaga'. Saya dah arah satu [1] filem 'Tanah Tumpah'-- adalah filem (meletakkan tangan di kepala sambil memegang rokok elektronik) (gangguan rangkain Internet) \_ hujung tahun 2018. Kemudian Pandemik berlaku 2020, *so* [jadi]--

**NHAR: Tangguh lah?**

SBA: Tertangguh, sekarang ni dah--- nak-- siap dah, *so* [jadi] macam peringkat-- *post-production* [pasca pengeluaran] dah sekarang ni. *So* ini lah yang saya InshaAllah kalau benda ni tak ada aral melintang mungkin tahun depan keluar lah filem ni (meletakkan tangan di kepala sambil memegang rokok elektronik).

**NHAR: Alhamdulillah. Dia cerita pasal patriotik ke?**

SBA: 'Tanah Tumpah' adalah dia sebelum adanya keluarga Malaysia, sebelumnya apa kerajaan umumkan apa [SCI, Malaysia] ini apa [SCI, sebagai keluarga] Malaysia apa semua (meletakkan tangan di kepala sambil memegang rokok elektronik). Ismail Sabri [Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia] cakap keluarga Malaysia itu. Filem ini pasai itu lah pasal (menggaru hidung) perpaduan, persahabatan. Dia lebih pada persahabatan cerita pasal *friendship* [persahabatan]. Tapi dia-- apa [SCI, mengajak] kita untuk ni sebab dia *friendship* beza agama [SIC, beza bangsa]. So [Jadi] dia cina melayu punya *friendship*. So dia lebih kepada-- (gangguan rangkain Internet) (bunyi telefon).

**NASM: Seterusnya lah nak bertanya berkenaan dengan sumbangan eh. Selain abang tubuhkan RAT apa [SIC, boleh] tak abang kongsi sumbangan abang pada industri seni ataupun pada masyarakat?**

SBA: Melalui kerja-kerja saya jela. Saya takde sumbangan dari bentuk lain. Saya rasa sumbangan yang saya boleh bagi adalah melalui *education* [pendidikan]. Sama ada melalui dulu waktu saya mengajar dan bengkel-bengkel lakonan yang saya buat, bengkel-bengkel kesenian yang saya *handle* [mengendalikan] yang saya buat dan selebihnya adalah sumbangan kepada kerjaya saya lah. Maknanya apabila filem-filem yang saya berlakon (menggaru hidung) dapat pergi ke luar negara, menyertai festival- festival luar negara, filem-filem yang saya arah pun ada pegi ke luar negara macam selepas 'One Two Jaga' (sambil menunjukkan isyarat tangan) pegi jugak *around the world* [seluruh dunia] apa semua bawa nama Malaysia. Itu jela yang saya nampak-- (gangguan rangkain Internet).

**NHAR: Okey, saya nak tanya-- pulak lah kan. Apa tu abang Namron pernah orang yang sangat menitik beratkan kedaulatan Bahasa Kebangsaan sebab pernah bertutur Bahasa Kebangsaan semasa menghadiri forum teater di Jepun pada 2004 dan 2008. Lepastu abang Namron menghadiri forum membicarakan filem abang Namron yang apa tu [SCI, 'One Two Jaga'] tu kan dekat New York Asian Film Festival kan \_ bertutur sepenuhnya dalam**

**Bahasa Melayu. Masatu apa yang abang fikirkan, maksudnya apa perasaan abang masa tu yang abang boleh kongsikan lah? (sambil menunjukkan isyarat tangan)**

SBA: Okey, isu bercakap kita sebenarnya tak perlu pun cakap Bahasa Inggeris bila pegi kat tempat-- orang macam saya dekat *Japan* [Jepun] dulu saya tengok eh saya nampak macam orang lain bercakap dalam bahasa ibunda dia. *So* [Jadi] macam sebab kita bila kita pergi tempat-tempat begitu kita tak perlu pun sebenarnya untuk cakap Bahasa Inggeris.

**NHAR: Bahasa diorang.**

SBA: Sebab kita disediakan kita memang disediakan apa--.

**NHAR: Skrip?**

SBA: Tak-- disediakan orang untuk jadi-- (gangguan rangkain Internet).

**NHAR: Translator?**

SBA: \_ saya dulu dok pergi bengkel-bengkel luar negara ke mesti ada *translator* [penterjemah] bersama dengan saya yang saya boleh je cakap Bahasa Malaysia sebab dia akan-- *translate* [menterjemah] kan. Saya cakap Bahasa Malaysia, *so* [jadi] \_ kalau kat japan, *translator* saya tu dia terus saja *translate* daripada Bahasa Malaysia itu ke *Japanese* [Jepun]. \_\_ *english* [bahasa inggeris] kalau kita cakap *english* pun dia kena *translate* jugak ke bahasa *Japan* [Jepun] dan kalau macam kat New York pun sama sebab kita disediakan kalau tak disediakan kan kita kena lah cakap dalam-- bahasa BI sebab kalau tak sorang pun tak faham tapi bila kita dah ada (sambil

menunjukkan isyarat tangan), *so* kita gunakan benda tu maknanya orang tu boleh untuk *translate* kan kat kita dan bila kita bercakap dalam bahasa ibunda kita, *so* itu kan lebih-- ni lebih untuk diri kita *confident* [yakin] kita akan jadi lebih sebab Bahasa Inggeris bukannya bahasa-- apa [SCI, percakapan harian] kita (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Betul-betul.**

SBA: Haah, bila kalau macam saya sendiri kalau cakap Inggeris (gangguan rangkain Internet). Saya cakap kan (mengeluh) dia ada-- benda yang kita-- (sambil menunjukkan arah kepala).

**NHAR: Fikir.**

SBA: Fikir, *translate* [menterjemahkan], sebelum bercakap. *So* [Jadi]-- (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Ambik masalah kan.**

SBA: Haah, jadi tak banyak benda yang kita nak cakap *last* [terakhir]-- kita tak kita terlepas cakap sebab kita *know* [tahu] sibuk dengan benda lain. *So* [Jadi] tak malu pun sebenarnya kalau cakap dalam bahasa ibunda kita. Orang lain semua cakap je orang Jepun dia takde pun nak cakap Bahasa Inggeris. Dia cakap bahasa Jepun je. Kalau-- pergi mana-mana \_\_\_ (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Memartabatkan lah, memartabatkan bahasa ibunda.**

SBA: Haah.

**NHAR: Tifa [Nur Athifah Syairah Binti Marzuki].**

**NASM: Betul, seterusnya saya nak tanya lah harapan abang pada industri seni pada masa ni. Boleh ceritakan sedikit?**

SBA: Harapan saya untuk industri seni eh. Saya rasa mungkin haaa (berfikir) industri seni tu besar. *So* [Jadi] saya fokus kepada lakonan jela kot eh seni-seni filem dan TV jela kot sebab kalau nak buka industri \_ (gangguan rangkain Internet) \_ ada tari lagi, ada musik lagi.

**NHAR: Banyak cabang.**

SBA: Banyak-- *so* [jadi] kita fokus pada ni je kalau dari sudut ini je saya rasa harapan saya-- rasa kita boleh keluarkan lagi cerita-cerita yang lebih menarik (menggaru kepala dan hidung). Filem-filem yang menarik drama-drama yang menarik. Kita boleh bawak produk-produk kita ke luar negara \_. Kita boleh pasaran boleh mencapai kualiti yang sampai boleh kita jadikan produk kesenian kita ni produk filem dan TV kita ni boleh ke *international* [antarabangsa]. Maknanya sepertimana Korea buat, filem-filem dia boleh tembusi pasaran dunia bukan hanya kat-- negara Asia tapi-- (sambil menunjukkan isyarat tangan).

**NHAR: Tapi dunia.**

SBA: US kan hingga ke US boleh masuk *market* [pasaran]-- (menggaru hidung) pasaran di US \_ \_ \_ .

**NHAR: Walaupun guna bahasa diorang sendiri kan.**

SBA: Haah, *so* [jadi] saya harap Malaysia akan kesitu jugak satu hari nanti lah. Tapi untuk capai benda \_ (gangguan rangkain Internet) pemerintah sendiri (gangguan rangkain Internet) kerajaan sendiri juga kena mainkan peranan untuk-- membantu kita semua untuk mengangkat bidang ini ke *level* [tahap] yang lebih (sambil mengangkat tangan tinggi dan menggaru hidung).

**NHAR: Lebih, faham.**

**NASM: Okey, Dayah.**

**NHAR: Okey, saya nak tanya sikit dekat abang Namron tips macam artis baru lah. Boleh abang Namron bagi sikit tips tak untuk artis baru dan pengarah baru kalau boleh?**

SBA: Hm (berfikir) kalau untuk artis baru saya rasa (menggaru leher) kena (diam sejenak) dalam--- dunia ini selain daripada bakat-- apa selain daripada bakat dan jugak populariti kita. Satu [1] benda yang lagi--- penting yang kita harus ingat adalah *luck* [nasib baik]. Maknanya dalam bidang ni kadang-kadang kita berbakat pun kadang-kadang kalau kita takde *luck* kita tak-- boleh berjaya (gangguan rangkain Internet) tapi tak berjaya menjadi pelakon mungkin sebab diorang takde *luck*. *Luck* kat sini maknanya kalau dalam Bahasa Melayu kita kata takdir ah. Maknanya takdir itu sendiri. Sebab hidup kita ni ada--- hidup kita ni ada pergantungan (menggaru hidung dan membetulkan cermin mata). Maknanya bukan kita yang tentukan hidup kita kerana hidup-- kita ini bergantung penuh dengan Allah Taala.

**NHAR: Betul.**



SBA: *So [jadi] Allah yang menentukan segala-galanya kalau-- hidup mati kita pun Allah yang tentukan, berjaya atau tak pun, Allah. Usaha kita pun kalau kita kata, "Oh, kita berusaha lah, aku berusaha untuk dapat-- benda ni". Usaha yang kita rasa kita berusaha itu pun adalah atas kehendak Allah. Kalau Allah yang berkehendak kita untuk berusaha (sambil menunjukkan isyarat tangan) lahir lah satu rasa kita untuk nak berusaha kalau Allah tak bagi rasa (mengelengkan kepala) tu nak berusaha pun kita tak rasa (mengelengkan kepala) nak berusaha. So dalam konteks ini \_ nasihat saya (menggaru hidung) adalah pegang, berpegang teguh lah--.*

**NHAR: Kepada ketentuan.**

SBA: *Ketentuan-- (gangguan rangkain Internet).*

**NHAR: Okey, rasanya itu je eh tipah [Nur Athifah Syairah Binti Marzuki]. Rasanya ada lagi tak tipah?**

**NASM: Baca penutup, penutup kata.**

**NHAR: Okey, saya baca penutup dulu lah sebelum saya sambung lagi eh.**

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang lakonan bersama Tuan Namron. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang lakonan kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

# **LOG TEMUBUAL**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
1.01-4.16	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Shahili Bin Abdan</li> <li>➤ Merupakan anak bungsu</li> <li>➤ Mempunyai 3 orang emak</li> <li>➤ Dilahirkan pada tahun 1969</li> <li>➤ Dibesarkan di negeri Perlis</li> </ul>
4.21-8.01	Sejarah dan tahap pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Seri Perlis</li> <li>➤ Tidak aktif sukan</li> <li>➤ Tidak pernah bercita-cita untuk menjadi seorang pelakon.</li> <li>➤ Menyertai persembahan pantomim</li> <li>➤ Belajar di IKM</li> <li>➤ Menuntut di ASK</li> </ul>
8.03-10.47	Pencapaian zaman persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Lebih suka menyendiri</li> <li>➤ Tiada pencapaian semasa zaman persekolahan</li> </ul>
10.50-17.59	Pekerjaan sebelum menjadi pelakon	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mempunyai banyak pekerjaan</li> <li>➤ Tolong emak di kedai makan dan pasar malam</li> <li>➤ Jaga parking di tapak Fun Fair</li> <li>➤ Emak meniaga laksa utara dan cucur udang</li> <li>➤ Kerja di kilang padi sementara tunggu result SPM</li> <li>➤ Kerja di bengkel kawan</li> <li>➤ Ternak ayam</li> <li>➤ Berniaga air kelapa</li> <li>➤ Membuka bengkel sendiri selama setahun</li> </ul>
18.03-19.21	Rutin harian	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tiada spesifik aktiviti</li> <li>➤ Jaga waktu tidur iaitu 7 jam sehari</li> </ul>
30.50-36.37	Perjalanan menceburi bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bermula dengan sebuah puisi</li> <li>➤ Diberi perhatian oleh guru</li> <li>➤ Seronok dapat perhatian sekaligus menarik minat nak belajar.</li> <li>➤ Minat dalam bidang teater</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Menyambung pelajaran dalam bidang teater di ASK.</li> </ul>
43.22-56.58	Penerimaan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tidak mendapat sokongan daripada peringkat awal</li> <li>➤ Bapa menentang pada peringkat awal</li> <li>➤ Mendapat sokongan setelah berjaya</li> <li>➤ Membuktikan kepada keluarga boleh berjaya.</li> <li>➤ Mempunyai kawan rapat yang ramai di ASK</li> <li>➤ Mendapat nama samaran di ASK iaitu Namron yang membawa maksud 'air panas'</li> </ul>
59.03-1.05.28	Populariti seorang artis	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bergantung pada bakat</li> <li>➤ Zaman sekarang populariti bergantung kepada jumlah pengikut di Instagram</li> <li>➤ Ramai artis yang popular tetapi mempunyai jumlah pengikut yang sedikit.</li> </ul>
1.07.43-1.21.36	Perbezaan pelakon dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mempunyai kiasan dalam dialog</li> <li>➤ Dialog yang berbunga-bunga</li> <li>➤ Jalan cerita yang berbeza</li> </ul>
1.21.58-1.28.59	Perbezaan bayaran pelakon dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bayaran artis dahulu lebih tinggi</li> <li>➤ Kos produksi yang diberikan sama sejak zaman dahulu</li> <li>➤ Kos semakin meningkat</li> <li>➤ Bayaran bergantung kepada bakat atau populariti seseorang artis</li> </ul>
1.29.25-1.33.00	Perbezaan antara filem dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Filem zaman dahulu lebih baik</li> <li>➤ Pelakon dahulu lebih menghidupkan lakonan</li> <li>➤ Cara berdialog pelakon dahulu berbeza seperti <i>stylized acting</i> [lakonan bergaya]</li> <li>➤ Kualiti pelakon sekarang datang dari ilmu lakonan mereka</li> <li>➤ Filem dahulu banyak filem melodrama</li> </ul>
1.33.18-1.37.16	Proses merekod filem	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Filem dahulu menggunakan gulungan filem untuk merekod filem</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Perlu menukar gulungan filem berulang kali</li> <li>➤ Filem sekarang menggunakan video digital untuk merekod filem</li> <li>➤ Pelakon dahulu perlu berlakon dengan baik untuk elak pembaziran</li> </ul>
1.41.15- 1.43.28	Penglibatan dalam kumpulan teater AKSI	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Rusaidi Ramli pemilik kumpulan teater AKSI</li> <li>➤ Beliau telah melamar Shahili Abdan menyertai kumpulan teater AKSI</li> <li>➤ Minat dalam teater datang setelah menyertai kumpulan ini</li> </ul>
1.43.29- 1.45.26	Penglibatan dalam kumpulan teater SEBATU	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Shahili Abdan kecewa sering menerima watak kecil</li> <li>➤ Beliau berminat dengan bidang pengarah dan penulisan skrip</li> <li>➤ Shahili Abdan akhirnya menubuhkan kumpulan teater sendiri iaitu SEBATU</li> <li>➤ Berkesempatan membuat dua pementasan teater bersama SEBATU</li> </ul>
1.45.49- 1.55.06	Penubuhan syarikat teater Alternative Stage	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Duit hasil bekerja di bengkel menjadi sumber pendapatan untuk teater</li> <li>➤ Semasa belajar lagi Shahili Abdan telah menubuhkan Alternative Stage</li> <li>➤ Bertujuan membina platform untuk persembahan teater</li> <li>➤ Persembahan dari Alternative Stage sentiasa disambut hangat</li> <li>➤ Terdapat peminat-peminat teater yang memberi kritikan dan ulasan</li> <li>➤ Syarikat sangat popular sehingga mengisi helain akhbar</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Waktu menjadi tutor separuh masa beliau masih lagi mengendalikan syarikat</li> <li>➤ Hasil menjual tiket menjadi sumber kewangan untuk membuat teater</li> </ul>
1.55.15-1.57.31	Penubuhan Rumah Anak Teater (RAT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tahun 2008, Rumah Anak Teater mula ditubuhkan oleh Shahili Abdan</li> <li>➤ Bertujuan membuka peluang lakonan kepada pelajar-pelajarnya</li> <li>➤ Memilih pelajar yang memiliki potensi dan bakat dalam lakonan</li> <li>➤ Hasil ilmu, kemahiran dan bakat dalam lakonan membentuk pelakon berkualiti</li> </ul>
1.57.41-2.04.52	Ujibakat memasuki ASK [Universiti]	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mendapat skrip yang salah awalnya iaitu skrip untuk pelakon perempuan</li> <li>➤ Berunding dengan Jabatan Kesenian Kebudayaan Negeri Perlis (JKKN) untuk penukaran skrip</li> <li>➤ Disebabkan waktu yang pendek beliau gagal menghafal skrip baru</li> <li>➤ Namun tetap meneruskan sesi ujibakat secara spontan</li> <li>➤ Akhirnya telah terpilih kerana merupakan pilihan kedua</li> </ul>
2.05.13-2.06.41	Filem 'Paloh'	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memegang watak utama</li> <li>➤ Pada tahun 2003, filem diterbitkan</li> <li>➤ Penulis skrip ialah Adman Salleh dan Jafree Md Yusof</li> <li>➤ Pengarah ialah Adman Salleh</li> <li>➤ Adman Salleh dan Jafree Md Yusof mengadaptasi skrip ke skrip baru</li> </ul>

2.07.04- 2.08.34	Filem yang paling memberi kesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Filem 'Redha' kerana pertama kali berlakon dengan isterinya</li> <li>➤ Memenangi Pelakon Terbaik Lelaki FFM [Festival Filem Melayu] dan Anugerah Skrin</li> <li>➤ Filem 'Redha' memberi suatu memori yang indah</li> </ul>
2.08.48- 2.09.59	Penerimaan masyarakat pada filem 'Redha'	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tidak mendapat sambutan yang hangat dari peminat</li> <li>➤ Namun telah memenangi pelakon terbaik di festival filem bertempat di Kazakhstan</li> <li>➤ Bukannya filem pecah panggung</li> </ul>
2.10.32- 2.15.07	Jenis-jenis filem	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Terbahagi kepada filem <i>commercial</i> dan <i>arthouse</i></li> <li>➤ Filem <i>commercial</i> bertujuan untuk mendapat kutipan tinggi</li> <li>➤ Filem <i>arthouse</i> sangat mementingkan jalan cerita, kualiti, pengeluaran videonya, prestasi, gubahan, bunyi dan muzik.</li> </ul>
2.15.18- 2.16.45	Penglibatan dalam drama dan telemovie	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bermula dengan syarikat penerbitan KL Motion Picture</li> <li>➤ Drama pertama bertajuk 'Lima'</li> <li>➤ Berlakon dalam telemovie bertajuk 'Sanggul Beracun' bersama Sabri Yunus</li> </ul>
2.17.06- 2.17.15	Pengalaman terbaik dalam lakonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Lakonan mengajar untuk mengenal dirinya yang sebenar</li> <li>➤ Lakonan menjadikan dirinya lebih yakin untuk bercakap, berdepan dengan orang dan melalui banyak perkara dalam hidupnya.</li> </ul>
2.18.30- 2.19.51	Pengalaman bersama pelakon	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pernah berlakon dengan Eman Manan</li> <li>➤ Pernah berlakon dengan bukan pelakon sebenar</li> </ul>

	lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mereka sukar menyampaikan lakonan dengan baik</li> <li>➤ Berharap sentiasa dapat berlakon dengan pelakon sebenar</li> </ul>
2.20.15- 2.21.46	Pengalaman di set penggambaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berlakon adalah satu kerja yang membolehkan</li> <li>➤ Satu proses yang mencabar</li> </ul>
2.21.58- 2.22.40	Pengalaman bersama peminat	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Perlu berjumpa peminat untuk mempromosikan filem</li> <li>➤ Terdapat juga jelajah untuk berjumpa peminat</li> </ul>
2.23.08- 2.39.23	Kenangan pahit	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Tempat persembahan teater telah disabotaj kerana rasuah</li> <li>➤ Tetap meneruskan persembahan dengan kelengkapan yang tidak mencukupi</li> <li>➤ Penonton terpaksa duduk dalam dewan tanpa penghawa dingin</li> <li>➤ Pegawai atasan menuduh persembahan teater mereka berunsur lucah</li> <li>➤ Isu yang besar sehingga mendapat perhatian stesen televisyen dan akhbar tempatan</li> </ul>
2.39.42- 2.42.01	Pengalaman bisnes	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bukanlah secara serius sekarang</li> <li>➤ Telah berniaga sejak kecil lagi</li> <li>➤ Berniaga semula kerana kurangnya tawaran ketika pandemik melanda</li> </ul>
2.42.25- 2.43.41	Kenangan manis	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berjumpa isterinya dalam industri seni</li> <li>➤ Dulunya isterinya seorang penari dan sekarang ialah pelakon</li> <li>➤ Mereka berjumpa dalam bidang seni di ASWARA</li> </ul>
2.43.55-	Perkembangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Filem terbaru arahnya bertajuk 'Tanah Tumpah'</li> </ul>



2.45.16	kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Hujung tahun 2018 penggambaran bermula</li> <li>➤ Namun tahun 2020 tertangguh kerana pandemik</li> <li>➤ Filem bakal diterbitkan tahun 2022</li> <li>➤ Filem yang menceritakan tentang persahabatan antara Melayu dan Cina</li> </ul>
2.45.39- 2.46.23	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Melalui pendidikan dengan menjadi tenaga pengajar</li> <li>➤ Melalui bengkel-bengkel lakonan dan kesenian yang dibuat</li> <li>➤ Telah melayakkan filem lakonannya ke festival-festival luar negara</li> <li>➤ Filem arahnya juga telah membawa nama Malaysia ke luar negara</li> </ul>
2.49.27- 2.51.08	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berharap industri lakonan boleh mengeluarkan lagi filem-filem dan drama-drama yang lebih menarik</li> <li>➤ Berharap produk-produk kesenian Malaysia dapat ke luar negara</li> <li>➤ Berharap filem-filem Malaysia dapat mencapai kualiti setanding filem-filem antarabangsa</li> <li>➤ Berharap kerajaan dapat membantu untuk mengangkat industri seni ke tahap yang lebih tinggi</li> </ul>
2.51.23- 2.53.10	Tips untuk artis baru dan pengarah baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Faktor utama dalam industri seni ialah bakat dan juga populariti</li> <li>➤ Takdir yang menentukan seseorang pelakon untuk berjaya</li> </ul>

# **RALAT**

## 7.0 RALAT

Temu bual mengenai artis veteran ini telah dijalankan bersama Encik Shahili bin Abdan yang merupakan seorang pelakon, penulis skrip dan juga pengarah. Sesi temu bual ini dijalankan secara atas talian di platform Google Meet dan berlangsung pada 25 Nov 2021. Kami bersyukur kerana sesi temubual ini berjalan dengan lancar dengan izin Tuhan. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat kami elakkan sepanjang temubual ini berlangsung. Antara gangguan yang dapat dikesan adalah seperti yang telah tersenarai di bawah:

- Gangguan bunyi angin
- Gangguan rangkaian internet
- Gangguan notifikasi telefon mudah alih
- Gangguan bunyi suara budak

Walaupun sesi temubual ini terdapat beberapa gangguan, namun secara keseluruhannya temubual ini berjalan dengan baik dan lancar. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh artis veteran yang terlibat iaitu Encik Shahili bin Abdan atas kerjasama dan ilmu yang telah diberikan.

# **GLOSARI**

## 8.0 GLOSARI

Pantomim	Drama yang dipersembahkan dengan menggunakan gerak-geri sahaja dan biasanya diiringi muzik.
P.Ramlee	Seniman Agung Negara yang juga merupakan seorang penyanyi, pelakon, pemuzik, pengarah dan penulis lagu.
Popular	Digemari atau disukai ramai.
Ralit	Asyik atau leka
Paradigma	Lingkungan atau batas pemikiran pada sesuatu masa yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan dan pemikiran.
Lakonan	Perihal memainkan sesuatu drama dan watak.
Semester	Sesi pengajian dalam sesuatu tahun akademik di pusat pengajian.
Pelakon	Orang yang berlakon dalam drama atau tokoh cerita.
Novelis	Penulis atau pengarang novel.
Pecah panggung	Filem di panggung yang mendapat sambutan orang ramai.
Dekan	Ketua sesuatu fakulti di universiti
Penggambaran	Kegiatan membuat filem termasuk berlakon dan mengarah
Syarikat hiburan	Badan perniagaan yang berkaitan hiburan
Selebriti	Orang yang terkenal dan menjadi tumpuan ramai
Watak	Tokoh atau pelaku dalam karya sastera atau seni.
Seniman	Orang yang mempunyai bakat seni dan mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya.
Penulis skrip	Orang yang menghasilkan penulisan skrip
Pengarah	Orang yang kerjanya mengarah dalam sesuatu filem dan drama
Penerbit	Orang atau syarikat yang menerbitkan atau menghasilkan sesuatu karya.

# INDEKS

## 9.0 INDEKS

### A

**AKSI**, 6, 78, 79, 133, 163  
**Alternative Stage**, i, ii, 86, 87, 88, 133  
**Anugerah**, 28, 62, 100, 101, 159, 169, 170  
**Artis Veteran**, i, iii, 9, 16, 49, 139, 147, 153, 160, 161, 172  
**ASK**, iv, 6, 28, 39, 40, 55, 58, 81, 84, 90, 91, 92, 94, 96, 103, 108, 110, 114, 131, 132, 134  
**ASWARA**, iv, 6, 28, 39, 59, 70, 81, 88, 92, 94, 114, 123, 136, 147

### B

**Bakat**, 12, 16, 43, 51, 53, 54, 55, 56, 64, 69, 70, 75, 90, 110, 111, 128, 132, 134, 137, 141, 160, 161, 169  
**Bengkel**, 33, 40, 41, 78, 83, 124, 125, 131, 133, 137  
**Berlakon**, 6, 13, 16, 17, 27, 39, 41, 43, 50, 51, 52, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 64, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 75, 76, 79, 80, 89, 97, 99, 103, 104, 105, 106, 107, 110, 114, 116, 120, 124, 133, 135, 136, 141, 160, 161, 164, 165, 166, 167, 168, 169  
**Biografi**, i, 9, 146, 157

### C

**Cara**, iii, 8, 10, 13, 34, 56, 69, 73, 108, 117, 118, 172, 173, 174

### D

**Drama**, 13, 14, 17, 50, 71, 92, 103, 104, 110, 114, 127, 135, 137, 141, 161, 165, 169  
**Duit**, 31, 33, 67, 74, 75, 82, 83, 88, 108, 111, 116, 120, 121

### F

**FFM**, iv, 99, 100, 135  
**Filem**, i, iv, 14, 15, 18, 52, 72, 73, 99, 101, 102, 123, 124, 127, 132, 133, 134, 135, 136, 137, 141, 148, 151, 153, 154, 165

### H

**Hiburan**, 12, 15, 16, 17, 31, 141, 153

### I

**IKM**, iv, 33, 34, 40, 78, 84, 85, 131  
**Isteri**, 99, 100, 101, 115, 121, 122

### K

**Kumpulan**, 6, 28, 29, 78, 79, 80, 82, 133, 152, 163

### L

**Lakon**, i, 13, 14, 16, 17, 21, 26, 27, 28, 41, 46, 51, 55, 57, 58, 69, 70, 71, 75, 80, 90, 95, 99, 104, 105, 122, 124, 127, 129, 131, 132, 134, 135, 136, 137, 147, 148, 159, 160, 161, 163, 164, 165, 166, 167, 169, 170, 172  
**Latih**, 69

### M

**Maklumat**, 8, 10, 12, 16, 172  
**Malaysia**, i, ii, iv, 6, 8, 9, 10, 13, 15, 17, 18, 22, 23, 25, 32, 33, 35, 36, 37, 47, 49, 65, 67, 68, 69, 71, 79, 82, 83, 84, 85, 86, 92, 93, 94, 98, 100, 101, 102, 104, 110, 115, 118, 124, 125, 128, 137, 146, 147, 148, 149, 151, 152, 153, 154, 155, 157  
**Masyarakat**, i, 10, 12, 14, 15, 17, 18, 19, 100, 103, 105, 124, 135, 152, 160, 164, 165, 166, 170  
**Melayu**, iv, 6, 9, 12, 17, 18, 19, 84, 85, 99, 125, 128, 135, 137, 147, 148, 149, 157

### P

**Pecah Panggung**, 16, 100, 101, 135  
**Pelakon**, i, 6, 12, 13, 14, 15, 17, 21, 25, 27, 43, 49, 50, 53, 55, 56, 57, 59, 60, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 97, 98, 99, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 110, 113, 114, 115, 117, 119, 120, 122, 128, 131, 132, 134, 135,

136, 137, 139, 141, 159, 160, 161, 162,  
164, 165, 166, 167, 170, 172  
**Peminat**, 16, 82, 88, 107, 133, 135, 136,  
160, 166  
**Penerbit**, 18, 19, 52, 53, 66, 68, 73, 74,  
76, 77, 103, 110  
**Pengalaman**, i, iii, 8, 13, 21, 30, 81, 85,  
104, 105, 106, 141, 159, 163, 164, 165,  
166, 167, 168  
**Pengarah**, 6, 12, 14, 18, 51, 52, 53, 56,  
57, 59, 64, 66, 69, 72, 74, 76, 77, 78, 86,  
94, 98, 99, 103, 110, 119, 128, 137, 139,  
141, 146, 157, 164, 165, 167, 168, 171  
**Penonton**, 12, 13, 14, 15, 18, 82, 87, 100,  
107, 109  
**Pentas**, 6, 14, 27, 42, 46, 55, 79, 80, 82,  
113  
**Popular**, 16, 49, 50, 51, 53, 54, 59, 66, 88,  
90, 132, 133, 161  
**Produksi**, 12, 16, 19, 67, 132, 167  
**Projek**, 10, 33, 37, 51, 67, 75, 76, 77, 90,  
103, 120, 146

## R

**RAT**, i, ii, iv, 6, 88, 89, 90, 110, 114, 124,  
134, 164

## S

**Sejarah Lisan**, 8, 9, 10, 151  
**Seni**, i, 12, 14, 15, 16, 59, 63, 64, 78, 84,  
107, 121, 122, 123, 124, 127, 136, 137,  
141, 147, 163, 166, 167, 169, 170, 171  
**Set Penggambaran**, 106, 136, 166, 167  
skrip, 6, 12, 13, 15, 16, 19, 55, 56, 59, 92,  
93, 94, 96, 98, 99, 110, 122, 133, 134,  
139, 141, 157, 164, 168, 169, 174

## T

**Tahun**, 6, 12, 13, 17, 22, 23, 24, 26, 28,  
31, 34, 35, 37, 40, 44, 46, 55, 56, 58, 59,  
67, 78, 81, 86, 88, 89, 96, 98, 108, 114,  
117, 120, 123, 131, 134, 137, 141, 157,  
159, 164, 169  
**Teater**, i, 6, 12, 14, 15, 17, 40, 41, 55, 57,  
58, 59, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 86, 87,  
88, 89, 92, 94, 108, 109, 110, 112, 114,  
116, 117, 118, 120, 124, 131, 132, 133,  
134, 136, 151, 163, 167, 168  
**Tema**, 18, 19, 101



# **BIBLIOGRAFI**

## 10.0 BIBLIOGRAFI

- Ahmad, A. A. (2006, November). *Ideologi dan gaya pengarahan pengarah-pengarah filem alternatif di Malaysia*. Diakses dari [https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/18498/2/PPb\\_AMIRUL%20AMRI%20HJ%20AHMA D%20CT%2006\\_5](https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/18498/2/PPb_AMIRUL%20AMRI%20HJ%20AHMA D%20CT%2006_5)
- Abdul Rahman, A., Nozlan, N. N., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, M. F., & Zakaria, M. A. (2020). *Isu Penggunaan Ict Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (Oku) dan Institusi Pendidikan Sewaktu Covid-19*. International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020). Diakses dari <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6819>
- Abdul Wahab, S., Sakrani, S. N. R., & Hashim, P. M. D. M. A. (2015). *Pembikinan filem Islam di Malaysia: perjalanan dakwah atau pelaburan komersil* [Pembentangan Kertas Kerja]. Proceedings of the 1st international Islamic heritage conference. [https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16686/2/PRO\\_SHAFEZAH%20ABDUL%20WAHB %20M%2015.pdf](https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16686/2/PRO_SHAFEZAH%20ABDUL%20WAHB %20M%2015.pdf)
